



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



## ANALISIS GEOGRAFI POLITIK DALAM PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN TANJONG PIAI, JOHOR

*ANALYSIS OF POLITICAL GEOGRAPHY IN THE BY-ELECTION IN  
PARLIAMENT OF TANJONG PIAI, JOHOR*

Junaidi Awang Besar<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Program Geografi, Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutuan (PKPSP), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Email: [jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my)  
\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 05.04.2020

Revised date: 12.08.2020

Accepted date: 13.08.2020

Published date: 10.09.2020

#### To cite this document:

Awang Besar, J. (2020). Analisis Geografi Politik dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parliment Tanjung Piai, Johor. International Journal of Law, Government and Communication, 5 (20), 14-56.

DOI: [10.35631/IJLGC.520002](https://doi.org/10.35631/IJLGC.520002).

### Abstrak:

Geografi politik merupakan salah satu aspek geografi manusia iaitu satu kajian yang lebih besar, tetapi di dalamnya terkandung elemen yang lebih khusus. Geografi politik memberi perhatian kepada fenomena politik dan menumpukan perhatian kepada struktur institusi itu dijalankan serta bagaimana ia terlibat dalam pembentukan corak dan hubungan geografi. Dalam kertas kerja ini, dua aspek geografi politik yang akan dikupas berkenaan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parliment Tanjung Piai, Johor iaitu geopolitik dan geografi pilihan raya. Geopolitik bermaksud pengaruh kuasa terhadap sesuatu kawasan dari segi etnik, parti politik, pemimpin, kerajaan dan penguasa setempat. Geografi pilihan raya pula merupakan satu bidang kajian mengenai perbezaan aspek geografi seperti kawasan, persempadanan, kependudukan, pembangunan dan pengaruh ekonomi terhadap trend politik kewilayah. Sepertimana sedia maklum bahawa BN berjaya menawan kerusi Parliment Tanjung Piai dalam PRK 2019 yang mana kerusi ini dimenangi PH dalam PRU 2018. Pasca PRU 2018 menyaksikan berlangsungnya PRK Parliment Tanjung Piai pada 16 November 2019. Calon BN/MCA, Datuk Seri Dr. Wee Jeck Seng, menang dalam PRK Parliment Tanjung Piai tersebut dengan majoriti 15,086 undi selepas memperoleh 25,466 undi. Justeru, aspek geopolitik yang akan dikupas ialah pengaruh geopolitik etnik, parti politik dan pemimpin dalam mempengaruhi keputusan dan pola pengundian PRK tersebut manakala aspek geografi pilihan raya yang akan dihursti dalam kertas kerja ini ialah pemetaan dari segi pengaruh kawasan (maju-mundur), persempadanan, lokasi (bandar-luar bandar), ketersampaian, fizikal (semula jadi dan buatan manusia). Dari segi geopolitik etnik, didapati kedua-dua etnik Melayu dan Cina menyokong calon MCA/BN daripada etnik Cina disebabkan faktor calon dan identifikasi parti yang kukuh dalam PRK Parliment Tanjung Piai tersebut manakala dari segi geografi

pilihan raya, kawasan Daerah Mengundi luar bandar yang majoritinya daripada etnik Melayu terus kukuh menyokong calon MCA/BN manakala kawasan bandar/pekan yang majoritinya daripada etnik Cina telah berlaku sedikit peralihan undi daripada PH kepada BN/MCA disebabkan faktor calon, keadaan sosioekonomi dan isu semasa yang memberi kelebihan kepada BN/MCA. Antara faktor utama penyumbang majoriti besar Barisan Nasional pada Pilihan Raya Kecil Tanjung Piai, 16 Nov lepas, adalah kerana faktor calonnya iaitu Datuk Seri Dr Wee Jeck Seng itu sendiri. Pesona, populariti dan khidmat bakti Wee, yang merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri Pekan Nenas selama sepenggal, serta Ahli Parlimen Tanjung Piai selama dua penggal, nyata menepati tahap kepuasan masyarakat di situ. Bekas Ahli Parlimen Tanjung Piai itu dilihat lebih berpengalaman, berwibawa dan mesra berbanding calon Pakatan Harapan (PH), Karmaine Sardini. Peribadi Wee Jeck Seng dan keampuhan jentera BN dibantu Pas melalui kerjasama Muafakat Nasional dianggap faktor utama memberi kemenangan besar BN. Kekuatan Jeck Seng juga ditunjangi oleh keampuhan jentera BN dan PAS yang berjaya disatukan menerusi Muafakat Nasional. Faktor tersebut amat signifikan kerana jentera UMNO dan PAS dilihat berusaha keras memastikan setiap pengundi putih dibawa keluar mengundi, walaupun kerusi Parlimen Tanjung Piai ditandingi calon dari MCA. Selain itu, isu-isu kemarahan dan kekecewaan rakyat terutama masyarakat Cina terhadap kegagalan kerajaan menangani peningkatan kos sara hidup, janji manifesto Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) tidak dipenuhi dan kegagalan PH menangani isu-isu sensasi dimainkan BN juga menyumbangkan kepada faktor kekalahan PH pada kali ini. Calon PH juga dilihat terperangkap dengan isu tercetus akibat kesilapan mereka sendiri di samping kebijaksanaan jentera BN memainkan isu-isu negatif melibatkan Kerajaan PH yang akhirnya mempengaruhi keputusan pengundi.

#### Kata Kunci:

Geografi Politik, Geopolitik, Geografi Pilihan Raya, Etnik, Bandar, Luar Bandar

#### Abstract:

Political geography is one of the aspects of human geography that is a larger study, but it contains more specific elements. Political geography focuses on political phenomena and focuses on the structure of the institution and how it is involved in the formation of geographical patterns and relationships. In this paper, two aspects of political geography will be explored in the by-election of the Tanjung Piai parliamentary, namely geopolitics and electoral geography. Geopolitics means the influence of power on an area in terms of ethnicity, political parties, leaders, governments, and local authorities. Election geography is a field of study on the various aspects of geography such as area, borders, population, development, and economic influence on political trends of the state. It is well known that the BN won the Tanjung Piai parliamentary seat in the 2019 by-election and the seat is won by the PH in 2018. The post-election 2018 sees the Tanjung Piai Parliamentary Election on November 16, 2019. BN/MCA candidate Datuk Seri Dr. Wee Jeck Seng won the Tanjung Piai parliamentary by-election with 15,086 votes after gaining 25,466 votes. Thus, the geopolitical aspects that will be uncovered are the influence of ethnic geopolitics, political parties, and leaders in influencing the election results and voting patterns while the geographical aspects of the electorate that will be elaborated in this paper are mapping in terms of area influence (development), border, location (urban-rural), accessible, physical (natural and man-made). In terms of geopolitics ethnicity, found both ethnic Malay and Chinese support BN/MCA ethnic

Chinese caused by the candidates and the identification of a party in the by-election of Parliament for Tanjong Piai while the electoral geography, in the polling district outside the city, the majority of ethnic Malays continued strong support BN/MCA while the town/urban where the majority of ethnic Chinese took place a little swing of PH in the BN/MCA caused by the candidates, the socio-economic situation and current issues in favor of the BN/MCA. One of the main factors contributing to the Barisan Nasional's majority in the Tanjung Piai by-election on Nov 16 was because of its candidate Datuk Seri Dr. Wee Jeck Seng himself. The charm, popularity, and service of Wee, who has been a member of the state legislative assembly of the Pekan Nenas for three years, and the Tanjung Piai MP for two terms, certainly met the level of community satisfaction there. The former Tanjung Piai MP is seen as more experienced, credible, and friendly than Pakatan Harapan (PH) candidate Karmaine Sardini. Wee Jeck Seng's personal and BN's machine power-assisted by PAS through the cooperation of the Muafakat Nasional is considered to be the key factor in winning the BN. Jeck Seng's strength is also reflected in the BN and PAS's unified machine power which was successfully consolidated through the Muafakat Nasional. This factor is significant because the UMNO and PAS machinery are seen as working hard to ensure that all white voters are cast out, despite the Tanjung Piai parliamentary seat being contested by MCA candidates. Moreover, issues of anger and frustration of the people and especially the Chinese community over the failure of the government to deal with the rising cost of living, the promise of the 14th General Election (GE14) manifesto were not met and the failure of the PH to address sensational issues played by BN also contributed to the defeating factor for PH this time. PH candidates are also seen to be caught up in the issue of their own mistakes as well as the wisdom of the BN machinery to play negative issues involving the PH Government which ultimately influences the electorate.

**Keywords:**

Political Geography, Geopolitics, Electoral Geography, Ethnic, Urban, Rural

---

## Pengenalan

Geografi bermaksud kajian berkaitan kepelbagaiannya ruang (seperti kawasan, kewilayahannya, sempadan, jarak dan ketersampaian) dan perubahan masa; manakala politik merupakan persoalan kuasa dan tadbir urus termasuk dasar awam. Bidang kajian geografi politik berkaitan dengan pengaruh geografi terhadap proses politik. Oleh itu, geografi politik merupakan salah satu aspek geografi manusia iaitu satu bidang kajian yang lebih besar, tetapi didalamnya terkandung elemen pembeza yang membuatnya terkhusus. Oleh itu seorang pakar geografi politik mestilah melihat dari unit-unit politik dan unit yang terpenting ialah negara. Dengan kata lain geografi politik memberi perhatian terhadap fenomena politik dan ia mestilah menumpukan perhatian kepada struktur institusi itu dijalankan dan bagaimana ia terlibat dalam pembentukan corak dan hubungan geografi. Penduduk, agama, bahasa, makanan, dan perumahan adalah antara elemen terpenting dalam institusi politik dan pembangunan masyarakat. Geografi politik boleh dibahagikan kepada beberapa perkara iaitu sejarah dan pendekatan dalam geografi politik, istilah (geopolitik; geografi pilihan raya; dan geopolitik popular), teori-teori dalam geografi politik (Teori Ruangan Pengundian; dan Teori Heartland) dan isu-isu dalam geografi politik (pembangunan perumahan dan impak geopolitik; dasar awam dan geografi politik; geografi dan hubungan antarabangsa; dan pertelingkahan sempadan).

Secara mudahnya, bidang geografi politik menekankan perihal pentingnya hubungan antara kuasa dengan ruang atau kawasan dan perubahan masa. Sesebuah kawasan atau negara yang berdaulat perlu mempunyai ciri-ciri kekuasaan yang mutlak merangkumi sempadan kawasan yang jelas, mempunyai rakyat, ditadbir oleh pemerintah yang berautoriti, mempunyai matawang, terdapatnya sumber alam dan hubungan antarabangsa dengan negara-negara lain yang erat. Keamanan dan kedamaian serta kesejahteraan rakyat sesebuah negara bergantung kepada kecekapan dan kebijaksanaan pemerintah dalam urusan governans, menguruskan sumber sosioekonomi, menguruskan persepsi, mengukuhkan pertahanan dan memastikan tahap pendidikan rakyatnya yang terbaik dan sempurna. Oleh itu, bidang kajian geografi politik ini amat penting dipelajari dan difahami semua pihak bagi memastikan negara berada dalam keadaan aman, maju dan sejahtera. Dalam geografi politik terdapat dua sub bidang penting yang menjadi tumpuan kajian oleh penyelidik dalam bidang geografi politik iaitu geopolitik dan geografi pilihan raya. Geopolitik bermaksud pengaruh kuasa terhadap sesuatu kawasan dari segi etnik, parti politik, pemimpin, kerajaan dan penguasa setempat. Geografi pilihan raya pula merupakan satu bidang kajian mengenai perbezaan aspek geografi seperti kawasan, persempadanan, kependudukan, pembangunan dan pengaruh ekonomi terhadap trend politik kewilayahannya. Justeru adalah menjadi tujuan penulisan kertas kerja ini untuk menganalisis geografi politik dengan menjadikan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai, Johor sebagai kajian kes.

## Sorotan Literatur

### *Pilihan Raya Kecil di Malaysia*

Terdapat banyak kajian lampau yang berkaitan Pilihan Raya Kecil (PRK) di Malaysia yang dijadikan sandaran dalam kertas seminar ini. Ghazali (1990) dalam kajian Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Pantai Merdeka, Kedah pada Mac 1990 pula mendapatkan terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan penurunan majoriti yang diperolehi oleh Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya kecil tersebut berbanding pilihan raya umum 1986 iaitu peratusan keluar mengundi yang rendah, isu calon BN yang muflis, dan ketiga kemunculan Parti Semangat 46 yang kebanyakannya terdiri daripada bekas ahli UMNO telah menjelaskan sokongan terhadap BN dalam pilihan raya kecil tersebut. Dalam pilihan raya kecil Parlimen Arau, Perlis pada tahun 1998, pembangunan juga dijadikan isu untuk menakutkan pengundi agar mengundi BN sekiranya tidak mahu pembangunan berjalan lembab atau disekat (Ahmadi 1998). Dalam pilihan raya kecil Lunas, Kedah pada tahun 2000, isu yang dibangkitkan semasa berkempen antaranya ialah penyelewengan, rasuah, kronisme, krisis keyakinan terhadap pemerintah, kaum, agama, pembangunan masyarakat setempat, ekonomi dan sekolah wawasan (Ghazali & Mohd Rizal 2000).

Mohd Amirul Ariff (2002) dalam kajian pilihan raya kecil DUN Indera Kayangan 2002: Analisis isu, kempen dan pola pengundian mendapatkan bahawa pengundi lebih memilih kepada isu pembangunan setempat iaitu penambahan dan pemberian kemudahan awam di kawasan mereka agar mereka dapat menggunakan kemudahan-kemudahan awam tersebut dengan selesa dan berterusan. Ketika pilihan raya kecil DUN Ba' Kelalan, Sarawak, dalam sesuatu kempen pilihan raya isu yang terpenting dibincangkan ialah politik pembangunan. Rakyat Malaysia telah diajar untuk menilai pembangunan dan modenisasi (Arnold 2003).

Mohd Fuad & Junaidi (2006) dalam kajian pilihan raya kecil Pengkalan Pasir pada November 2005 memaparkan bahawa pilihan raya kecil tersebut merupakan indikator penilaian

kekuatan PAS bertahan di Kelantan dan penaklukan semula kuasa BN. Ibrahim et al. (2009) dalam kajian “Isu dan tingkah laku semasa kempen pilihan raya kecil Parliment Permatang Pauh” menyatakan bahawa isu ekonomi merupakan isu yang hangat dibincangkan di kawasan tersebut. Menurut Mohammad Redzuan et al. (2009) dalam pilihan raya kecil Permatang Pauh, segi semangat yang ditunjukkan ternyata jentera PKR lebih bersemangat dan mempamerkan keberkesanan dalam menghadapi pilihan raya kecil tersebut. Kajian oleh Mohd Fuad & Junaidi (2009) dalam pilihan raya kecil kawasan Parliment Kuala Terengganu mendapati bahawa 61.6 peratus daripada responden memilih calon yang mempunyai pendidikan agama yang tinggi, diikuti personaliti kepimpinan yang baik dan ideologi perjuangan parti.

Junaidi et al. (2009a & 2010a) dalam kajian “Pola Politik Mengikut Kaum Di Kawasan Parliment Bukit Gantang (P059) mendapati hampir 100 peratus responden etnik Melayu, Cina dan India menjadikan televisyen sebagai sumber utama maklumat politik mereka. Dari segi kriteria pemilihan calon pula, 72.1 peratus responden Cina menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat berbanding Melayu (67.9 peratus) dan India (47.9 peratus). Junaidi et al. (2009b) dan Abdul Halim et al. (2010) dalam kajian “Pilihan Raya Kecil DUN Bukit Selambau (N25) April 2009: Satu Tinjauan Dari Sudut Etnik” mendapati bahawa 77.5 peratus responden Melayu, 54.5 (Cina) dan 69.6 peratus (India) menyatakan isu pemulihran ekonomi menjadi perbualan utama di kawasan mereka. Merujuk kepada jangkaan kemenangan parti dalam pilihan raya kecil DUN Bukit Selambau, 41.2 peratus responden Melayu, 45.5 peratus (Cina) dan 41.1 peratus (India) menyatakan PKR akan memenangi pilihan raya tersebut berbanding BN 29.4 peratus (Melayu), 18.2 peratus (Cina) dan 30.4 peratus (India).

Junaidi et al. (2009c) dan Mohd Fuad et al. (2012) dalam kajian tentang pandangan pengundi menjelang pilihan raya di Batang Air, Sarawak mendapati bahawa 88.6 peratus pengundi menyatakan BN akan memenangi pilihan raya tersebut berbanding PKR 3.6 peratus. Setelah pilihan raya kecil diadakan, hasilnya dimenangi BN dengan majoriti yang bertambah lebih sekali ganda iaitu dari 806 undi kepada 1,854 undi dan ini membuktikan sentimen ‘politik pembangunan’ terus kekal di kawasan tersebut kerana pembangunan hanya dapat dijalankan dengan memilih parti yang memerintah sesebuah negeri. Junaidi et al. (2009d) dalam analisis calon, kempen dan isu dalam PRK Penanti mendapati dengan ketidaaan penyertaan BN dalam pilihan raya tersebut maka, PKR dilihat menghadapi laluan mudah dalam menggerakkan jentera kempen serta menguasai pengurusan isu dan logistik kerana secara kebetulannya PKR bersama DAP dan PAS dibawah kompromi kuasa Pakatan Rakyat menguasai pemerintahan Negeri Pulau Pinang. Junaidi & Mohd Fuad (2009) dan Mohd Fuad & Junaidi (2011) mendapati kejayaan BN menguasai hampir semua undi daripada saluran tiga dan empat menggambarkan pengundi muda mula memberi kepercayaan kepada Kerajaan Pusat untuk membawa pembangunan ke Manek Urai, yang sebahagian besar penduduk bekerja sebagai penoreh getah, pekebun kecil kelapa sawit dan buah-buahan serta bekerja sendiri.

Junaidi & Mohd Fuad (2010) & Junaidi (2012) dalam kajian ketika PRK Permatang Pasir di Pulau Pinang mendapati 60 peratus responden menyatakan dasar yang dibuat oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang lebih memihak kepada kaum bukan Melayu dan 81 peratus menyatakan DAP lebih berperanan memutuskan dasar pemerintahan Kerajaan Pulau Pinang. Junaidi et al. (2010b) dan Mohd Fuad et al. (2011) dalam PRK Bagan Pinang mendapati

bahawa konsep “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” disokong, dihayati dan dimanifestasi oleh belia. Majoriti responden menyokong polisi dan kepemimpinan Perdana Menteri dan Timbalannya dalam menerajui pembangunan negara. Junaidi et al. (2010c) dan Junaidi et al. (2011a) dalam kajian PRK Hulu Selangor mendapati kawasan daerah mengundi majoriti pengundi Melayu di kampung-kampung tradisi serta penempatan FELDA memberikan undi yang tinggi kepada BN namun di kawasan majoriti etnik Cina di kampung-kampung baru dan pekan memberikan undi yang semakin meningkat kepada Pakatan Pembangkang. Trend pengundian kaum Melayu di bahagian tengah dan selatan Semenanjung Malaysia dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 seterusnya pada pilihan raya-pilihan raya kecil (PRK) pada tahun 2008 hingga 2011 menunjukkan bahawa mereka secara dominannya menyokong parti pemerintah Malaysia sekarang iaitu Barisan Nasional (BN), manakala kaum Cina pula berkecenderungan dan mengundi calon-calon daripada parti-parti pembangkang/oposisi atau lebih dikenali sebagai Pakatan Rakyat (Junaidi et. al 2011b).

Mohd Faidz et al. (2010) dan Junaidi et al. (2012a) dalam PRK Galas mendapati faktor kemenangan calon BN tersebut berkait rapat dengan wibawa serta pengaruh kepemimpinan Pengarah Pilihan Raya BN PRK DUN Galas iaitu Tengku Razaleigh Hamzah yang paling lama menjadi wakil rakyat di kawasan Parlimen Gua Musang (dahulunya Ulu Kelantan) yang merangkumi DUN Galas, Paloh dan Nenggiri iaitu sejak PRU 1974 hingga sekarang (9 penggal) serta keberkesanan strategi kempen bersemuka antara pemimpin BN dengan rakyat di samping kemantapan jentera kempen 10 orang kanan Tengku Razaleigh di setiap daerah mengundi di Galas.

Amer Saifude (2011) dalam PRK Kuala Terengganu menjelaskan sejarah pilihan raya di kawasan Parlimen Kuala Terengganu memperlihatkan kawasan tersebut pernah dimenangi oleh Parti Negara, PAS, Semangat 46 dan Perikatan/BN yang menunjukkan kedinamikan pengundi di kawasan tersebut. Junaidi & Mohd Fuad (2011) mendapati majoriti pengundi Melayu di kawasan DUN Tenang, Kerdau dan Merlimau menyokong UMNO/BN. Mereka berpendapat kuasa politik Melayu perlu dikekalkan melalui parti UMNO/BN kerana pentingnya pengekalan kuasa politik diberi kepada pemimpin parti yang berteraskan etnik/kaum Melayu iaitu UMNO di samping sentimen politik pembangunan yang menebal dalam pemikiran pengundi Melayu. Junaidi et al. (2011c & 2012b) dalam kajian PRK DUN Tenang, Johor mendapati kawasan yang majoritinya pengundi etnik Cina memihak kepada parti pembangkang/PAS namun kawasan majoriti Melayu terus didominasi UMNO/BN. Kaum Cina terus menyokong parti-parti pembangkang/Pakatan Rakyat kerana mereka merasakan Pakatan Rakyat dapat menjadi alternatif kepada pembentukan Kerajaan Negeri atau Pusat yang dapat memperjuangkan hak mereka dan dapat memberikan keadilan sosial, ekonomi dan politik yang menyeluruh tanpa mementingkan sesuatu kaum sahaja. Chiok (2011) mendapati peratusan keluar mengundi, hari mengundi, faktor calon serta isu kempen, faktor etnik, faktor jentera parti dan politik pembangunan mempengaruhi keputusan pilihan raya kecil 2008-2011 di 16 kawasan tersebut.

Junaidi et al. (2012c & 2012d) mendapati pola pengundian mengikut daerah-daerah mengundi dan majoriti etnik pengundi sama ada Bumiputera Islam atau Cina, masih dipengaruhi oleh sentimen politik pembangunan bagi pengundi Bumiputera Islam; manakala undi kaum Cina berpecah kepada 2 pihak iaitu PKR yang bergantung kepada sentimen politik nasional (tsunami politik PRU 2008) dan SAPP (Datuk Yong Teck Lee) yang popular

sebagai bekas Ketua Menteri Sabah ketika bersama BN dan memperjuangkan isu kenegerian “Sabah untuk rakyat Sabah” serta “Borneonisasii” yang menjadi teras dalam manifesto SAPP dalam PRK ini. Ng (2012) dalam kajian PRK Merlimau mendapati BN memperolehi undi yang tinggi daripada pengundi Melayu dan berlaku peralihan undi kaum India yang besar dari PAS kepada BN antara PRU 2008 dengan PRK 2011 di Merlimau. Lu (2012) menjelaskan undi daripada masyarakat Melayu di kawasan perkampungan tradisional Melayu, FELDA dan FELCRA di Pahang terus menjadi fix deposit kepada UMNO/BN yang berfahaman politik pembangunan dan sentimen keMelayuan yang kuat.

Suffian et al. (2013) dalam kajian PRK Sibu mendapati faktor pengundi Cina sangat dominan dan mempengaruhi keputusan pilihan raya. Isu-isu lain juga turut memainkan peranan, umpamanya isu politik pembangunan di kawasan pengundi Iban dan Melayu/Melanau dan isu nasional seperti agama dan hak ekonomi. Zulkanain & Rosmadi (2013) menyatakan kajian sosiopolitik dan elemen ruang merupakan perkara penting untuk melihat peranannya ke atas keputusan dan tindakan dalam pengundian di PRK Bukit Gantang. Elemen ruangan seperti lokasi, jarak dan bentuk kawasan sangat penting dalam kajian pilihan raya kerana ia juga merupakan faktor yang dapat mempengaruhi sosiopolitik sesuatu kawasan dan faktor ini boleh mempengaruhi kepada penentuan kemenangan sesuatu parti yang bertanding dalam pilihan raya. Amer Saifude (2013) menjelaskan keputusan PRK Bukit Gantang berkaitrapat dengan peristiwa semasa sosiopolitik di Perak kerana peralihan kuasa pemerintahan Perak daripada Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) kepada Kerajaan BN tanpa mandat rakyat telah mengecewakan sebahagian pengundi di Bukit Gantang terutamanya pengundi Cina dan akhirnya diterjemahkan melalui kemenangan PAS/PR melalui calonnya yang juga bekas Menteri Besar Perak.

Mohd Fuad et al. (2013) dalam artikel yang bertajuk ‘Analisis Geografi Pilihan Raya dalam Pilihan Raya Kecil di Malaysia 2008-2011’ menjelaskan bahawa geografi pilihan raya ialah satu bidang kajian mengenai perbezaan aspek geografi seperti kawasan, persempadanan, kependudukan, pembangunan dan pengaruh ekonomi terhadap trend politik kewilayah. Aspek utama dalam kajian geografi pilihan raya ialah pengaruh proses politik dalam ruang geografi. Mohd Faidz, Samsu Adabi & Junaidi (2014) menjelaskan tentang faktor kemenangan BN dalam PRK ini iaitu faktor keberkesanan jentera BN, kehadiran Timbalan Perdana Menteri dan juga janji pembangunan oleh Kerajaan Pusat/BN di kawasan ini.

Mohd Fuad et al. (2014) dalam kajian Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang 2014 mendapati bagi jenis kempen, manifesto parti dan calon menjadi medium utama dalam mempengaruhi sokongan responden kepada parti politik dalam PRK DUN Kajang. Junaidi et al. (2014) dalam kertas kerja yang bertajuk ‘Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 di Malaysia Dengan Menggunakan Pendekatan Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti dan Model Sosiologi’ menunjukkan sokongan pengundi di kawasan DUN Kuala Besut dipengaruhi oleh identifikasi parti, DUN Sungai Limau (identifikasi parti), DUN Kajang (sosiologi), DUN Balingian (pilihan rasional), Parlimen Bukit Gelugor (sosiologi) dan Parlimen Teluk Intan (pilihan rasional). Keadaan tersebut dipengaruhi oleh sumber maklumat politik, corak kempen, etnik calon, faktor kekeluargaan, agama, perkauman dan politik pembangunan. Justeru, senario politik dan pilihan raya di Malaysia menarik untuk dikaji dengan mempunyai variasi atau kepelbagaian pola pengundian berdasarkan faktor kawasan/lokasi geografi, ideologi politik, tahap pembangunan dan persekitaran sosial yang unik dan menarik untuk dikaji.

Junaidi, Mohd Faidz & Samsu Adabi (2015) dalam kertas kerja tentang analisis pola pengundian Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Chempaka, Kelantan menjelaskan tentang faktor kemenangan PAS dalam PRK tersebut iaitu faktor keberkesanan jentera PAS, kehadiran beberapa pemimpin PAS serta Pakatan Rakyat dan juga tiada saingen kepada PAS. Junaidi (2017a) dalam kajian status quo BN melalui strategi politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor mendapati bahawa strategi politik pembangunan yang diamalkan oleh BN dapat menyakinkan pengundi dalam PRK tersebut. Junaidi (2017b & 2018) menjelaskan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parliment (P093) Sungai Besar dan P067 Kuala Kangsar menyaksikan faktor PRK yang diadakan pada bulan puasa, pengundi luar yang tidak pulang mengundi, perpecahan undi pembangkang, protes penyokong parti masing-masing mempengaruhi peratusan keluar mengundi seterusnya keputusan dan pola pengundian.

Nidzam (2019) dalam artikel beliau yang bertajuk “Pilihan Raya Kecil (PRK) Medan Sebenar Uji Kekuatan Parti?” menyatakan bahawa selepas PRU pada 9 Mei 2018, berlangsungnya tujuh PRK iaitu empat dimenangi PH (DUN Sungai Kandis, DUN Balakong, DUN Seri Setia dan Parliment Port Dickson) manakala tiga PRK dimenangi BN iaitu di Parliment Cameron Highlands, DUN Semenyih dan DUN Rantau. Menurut beliau lagi, Pilihan Raya Kecil (PRK) hanyalah medan untuk memilih wakil rakyat yang bersifat setempat. Biasanya, pengundi kurang berminat untuk turun mengundi dalam PRK kerana pilihan raya tersebut bukannya medan untuk menentukan Kerajaan Negeri dan Persekutuan melainkan jumlah kerusi antara pihak parti pemerintah dengan parti pembangkang adalah sama atau seimbang. Namun melalui PRK, parti politik dapat memastikan jentera masing-masing berkerja dalam kempen sebagai ‘pemanas badan’ menuju Pilihan Raya Umum akan datang. Selain itu, PRK juga dapat mencetuskan semangat dan motivasi kepada pemimpin parti politik untuk bertemu dengan rakyat seterusnya cuba menyelesaikan masalah rakyat secepat yang boleh. PRK juga dapat memberikan isyarat kepada parti pemerintah agar melaksanakan janji atau manifesto dalam PRU secepat yang boleh dan sebagai ‘peringatan’ agar tidak lupa dalam menjaga kebajikan rakyat. Bagi pihak parti pembangkang pula, kemenangan mereka dalam PRK adalah agar dapat menjadi pihak ‘sekat dan imbang’ kepada parti pemerintah dalam melaksanakan dasar pada peringkat negeri mahupun persekutuan.

Mohammad Tawfik (2019) dalam pembentangan yang bertajuk “Isu-isu dominan dalam kalangan pengundi Melayu dalam kempen PRK DUN Semenyih” menjelaskan bahawa antara isu yang menyebabkan kemenangan BN dalam PRK DUN Semenyih ialah penyisihan orang Melayu untuk beberapa jawatan penting kerajaan; isu perkauman berbangkit khususnya kejadian di USJ Seafield masih meninggalkan luka berbekas di hati mereka; pelaksanaan manifesto iaitu mengundi kebanyakannya tidak lagi mempeduli berapa banyak hutang negara, tetapi telah terkesan dengan kegagalan pelaksanaan janji sebelum pilihan raya; agenda kerjasama Melayu-Islam sedikit sebanyak turut menawan hati pengundi Melayu yang ‘cedera’ dengan tindakan semasa Pakatan Harapan; dan pengundi masih dibelenggu dengan kos sara diri yang tinggi.

Khairul Arifin (2019) dalam pembentangan slaid yang bertajuk “Pasca PRU 14: Analisis Keputusan PRK & Kesannya Terhadap Landskap Politik Malaysia” menjelaskan bahawa adalah menjadi cabaran dalam mengurus persepsi, realiti dan inisiatif/tindakan bagi pihak

yang berkuasa setelah menang dalam sesuatu pilihan raya. Seterusnya berlaku dinamika pengundi iaitu sokongan kepada parti politik dari segi birokrat (polis, tentera dan penjawat awam), segmen umur (muda dan tua), kaum, tempat tinggal, kecenderungan parti dan jantina. Trend pengundi BN dan PAS dari segi kerjasama politik boleh mempengaruhi keputusan pilihan raya dan status quo parti pasca PRU 2018 iaitu bagi PRK Semenyih dan Rantau adalah kekal.

Junaidi & Mohd Nizar (2019) dalam kajian PRK DUN Semenyih menjelaskan bahawa BN/UMNO berjaya menawan semula kerusi DUN yang mereka tewas tersebut buat kali pertama iaitu pada PRU 2018 dengan majoriti 1,914 undi. Keputusan ini menyaksikan BN berjaya menambah seorang perwakilan dalam DUN Selangor kepada lima orang ADUN kesemuanya. BN juga berjaya memperoleh undi sekurang-kurangnya 85 peratus daripada pengundi PAS. Keputusan ini juga menunjukkan bahawa pengundi etnik Melayu terus bersama BN-PAS termasuk Melayu yang tinggal di kawasan bandar disebabkan sentimen Melayu-Islam. Faktor isu semasa, kredibiliti dan pengalaman calon serta kesepaduan jentera parti menjadi pemangkin kepada kemenangan BN dalam PRK tersebut. PRK ini dapat memberikan semangat atau motivasi kepada BN untuk terus memenangi hati pengundi menuju PRU akan datang, sebaliknya sebagai peringatan kepada PH untuk menunaikan janji atau manifesto PRU 2018 yang lalu mereka secepat mungkin dan tidak menggugat hak istimewa orang Melayu dan kedaulatan Islam di negara ini.

Junaidi, Mohd Fuad & Mazlan (2019) menjelaskan bahawa pasca PRU 2018 juga menyaksikan berlakunya beberapa Pilihan Raya Kecil (PRK) yang diadakan kerana kematian penyandang, perletakan jawatan dan juga pembatalan keputusan PRU oleh arahan mahkamah. PRK tersebut merangkumi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis, Seri Setia, Balakong, Semenyih, Rantau, Parlimen Port Dickson, Parlimen Cameron Highlands dan Parlimen Sandakan. PRK tersebut menghasilkan pola dan impak terhadap sosioekonomi dan politik di negara ini. Pola undi dalam PRK mengikut etnik iaitu etnik Cina dan India masih memihak kepada PH manakala etnik Melayu majoritinya menyokong BN dan PAS. Pola mengikut lokasi geografi pula memperlihatkan kawasan bandar didominasi PH manakala kawasan luar bandar kekal status quo dikuasai BN. Dari segi umur pula, BN masih menguasai undi daripada golongan tua namun golongan muda lebih cenderung kepada PH namun dengan kadar sederhana tinggi. Dari segi impak pula, PRK ini memperlihatkan pada awalnya peratusan keluar mengundi semakin merosot iaitu di bawah 50 peratus, wujudnya kerjasama politik antara UMNO (BN) dengan PAS, berlakunya beberapa reformasi pilihan raya yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), reformasi institusi kerajaan pusat dan negeri, penunaian janji pilihan raya, dan berlakunya perubahan taktikal dan strategi politik parti politik dan calon bebas yang bertanding.

Junaidi (2019) dalam kertas seminar yang bertajuk “Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia: Faktor Sokongan, Pola dan Impak” menjelaskan bahawa pasca PRU 2018 menyaksikan berlakunya 8 Pilihan Raya Kecil (PRK) yang diadakan sama ada kerana kematian penyandang, perletakan jawatan dan juga pembatalan keputusan PRU oleh arahan mahkamah. PRK tersebut merangkumi kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Kandis, Seri Setia, Balakong, Semenyih, Rantau, Parlimen Port Dickson, Parlimen Cameron Highlands dan Parlimen Sandakan. Kesemua PRK tersebut menghasilkan faktor sokongan, pola dan impak tertentu terhadap sosioekonomi dan politik di negara ini. Secara keseluruhannya, faktor sokongan dalam PRK pasca PRU 2018 adalah

kerana isu semasa, pengaruh media sosial, identifikasi parti, ketokohan pemimpin dan calon, manifesto atau janji pembangunan dan sentimen Melayu serta Islam. Pola undi dalam PRK mengikut etnik iaitu etnik Cina dan India masih memihak kepada PH manakala etnik Melayu majoritinya menyokong BN dan PAS.

Pola mengikut lokasi geografi pula memperlihatkan kawasan bandar didominasi PH (kecuali di Semenyih dan Rantau yang dikuasai BN) manakala kawasan luar bandar kekal status quo dikuasai BN. Dari segi umur pula, BN masih menguasai undi daripada golongan tua namun golongan muda masih cenderung kepada PH namun dengan kadar sederhana tinggi. Dari segi impak pula, sebahagian besar PRK ini memperlihatkan pada awalnya peratusan keluar mengundi semakin merosot iaitu di bawah 50 peratus, wujudnya kerjasama/taawun politik (perpaduan ummah) antara UMNO (BN) dengan PAS, berlakunya beberapa reformasi atau pembaharuan pilihan raya yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), dan penunaian janji pilihan raya berdasarkan manifesto dalam PRU 2018 dan PRK serta pembaharuan dalam institusi. Kesemua PRK ini memperlihatkan peri pentingnya peranan pihak berkuasa dalam menunaikan janji pilihan raya, pentingnya suara dan harapan rakyat didengari serta diselesaikan permasalahan mereka terutamanya isu ekonomi dan perpaduan, pengurusan isu dan krisis yang berkesan dan bijaksana, kesiapsiagaan parti politik dalam memperkemaskan jentera pilihan raya masing-masing di samping dapat memberi motivasi kepada kepimpinan parti untuk bekerja lebih kuat bagi memenangi hati pengundi dalam menuju PRU-15 akan datang.

Junaidi et al. (2020) dalam kajian PRK pasca PRU 2018 mendapati bahawa pada awal PRK peratusan keluar mengundi semakin merosot iaitu di bawah 50 peratus, wujudnya kerjasama/taawun politik (perpaduan ummah) antara UMNO (BN) dengan PAS. PRK ini juga memperlihatkan berlakunya beberapa reformasi atau pembaharuan pilihan raya yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), dan penunaian janji pilihan raya berdasarkan manifesto dalam PRU 2018 dan PRK serta pembaharuan dalam institusi. Kesemua PRK ini memperlihatkan peri pentingnya peranan pihak berkuasa dalam menunaikan janji pilihan raya, pentingnya suara dan harapan rakyat didengari serta diselesaikan permasalahan mereka terutamanya isu ekonomi dan perpaduan. PRK ini juga memberi refleksi mengenai pengurusan isu dan krisis yang berkesan dan bijaksana, kesiapsiagaan parti politik dalam memperkemaskan jentera pilihan raya masing-masing di samping dapat memberi motivasi kepada kepimpinan parti untuk bekerja lebih kuat bagi memenangi hati pengundi dalam menuju PRU-15 akan datang. Oleh itu, analisis impak kajian ini adalah penting dalam menyumbang kepada proses perjalanan pilihan raya, undang-undang pilihan raya, garis panduan, ketelusan, strategi parti politik dan kaitannya dengan dunia global.

### **Metod/Data Kajian**

Bagi metod kajian, antara kaedah pengumpulan data primer ialah menggunakan pemerhatian di lapangan (data kualitatif) dan data score sheet keputusan PRK Parlimen Tanjong Piai (data kuantitatif). Pemerhatian di lapangan dilakukan dengan memerhati suasana kempen PRK yang merangkumi perang poster, banner, bunting dan billboard; sesi ceramah pada waktu malam; sesi walkabout calon yang bertanding; dan meninjau reaksi pengundi terhadap situasi, kaedah dan intipati isu kempen. Kaedah pemerhatian di lapangan adalah penting bagi melihat perubahan landskap budaya politik masyarakat setempat, keadaan fizikal ruang atau kawasan yang relevan untuk menyokong seterusnya mengukuhkan hasil kajian. Rujukan data score sheet keputusan PRK Parlimen Tanjong Piai pula merujuk kepada penelitian terhadap


keputusan PRK Tanjong Piai dari segi saluran mengundi dan akhirnya daerah mengundi. Penelitian terhadap data score sheet keputusan PRK mengikut saluran dan daerah mengundi adalah penting bagi melihat data keputusan undi secara lebih detail dan tepat berdasarkan angka bernombor bagi membuat justifikasi atau alasan sebab musabab keputusan berdasarkan angka bersifat sedemikian.

Data sekunder melibatkan pengumpulan maklumat yang telah direkodkan dengan baik dalam bentuk rakaman bertulis. Dalam kajian ini, pengumpulan data sekunder diperoleh dengan melakukan penyelidikan ke perpustakaan. Segala kajian lepas dan data-data daripada sumber kedua iaitu buku, jurnal, latihan ilmiah/kertas projek/disertasi/tesis serta kertas kerja persidangan/simposium/seminar dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan gambaran yang berkaitan dengan penyelidikan sesuatu kajian. Di samping itu, pengkaji juga mendapatkan maklumat dari media-media elektronik seperti melayari laman sesawang/internet, blog, media sosial (facebook, twitter dan email) bagi mendapatkan maklumat tambahan seperti laporan penyelidikan, kertas kerja dan artikel jurnal.

Bagi penganalisisan data pula melibatkan adunan antara maklumat kualitatif berdasarkan pemerhatian di lapangan, data score sheet keputusan PRK Parlimen Tanjong Piai serta analisis maklumat sekunder dilakukan bagi bahan-bahan bercetak dan atas talian (internet).

### **Kawasan Kajian**

Parlimen Tanjong Piai terletak dalam kawasan Daerah Pontian di bahagian barat daya Negeri Johor Darul Takzim, Malaysia. Titik paling akhir Benua Asia terletak di Tanjung Piai, dalam daerah Pontian, Johor, pada latitud  $01.16^{\circ}$  Utara dan longitud  $103.30.46^{\circ}$  Timur. Kawasan Parlimen Tanjong Piai merangkumi dua kawasan DUN iaitu Pekan Nanas dan Kukup. Parlimen ini berkeluasan  $486 \text{ km}^2$  (212 km persegi bagi DUN Pekan Nanas dan 274 km persegi bagi DUN Kukup). Keseluruhan pemilih dalam Parlimen Tanjong Piai ialah 53,676 orang. Dari segi komposisi etnik, Parlimen Tanjong Piai mempunyai 56.76 peratus (30,456 orang) etnik Melayu, 41.67 peratus (22,367 orang) etnik Cina, 1.01 peratus (544 orang) etnik India, Bumiputera Sabah dengan 0.09 peratus (47 orang), Bumiputera Sarawak dengan 0.08 peratus (45 orang), Orang Asli 0.01 peratus (6 orang) dan etnik lain 0.39 peratus (211 orang). Parlimen ini juga mempunyai 27 kawasan Daerah Mengundi dan 127 saluran mengundi (Lihat Rajah 1).



**Rajah 1: Peta kawasan Parlimen Tanjung Piai mengikut DUN dan Daerah Mengundi**  
Sumber: SPR 2019

Tanjung Piai merupakan kawasan tarikan pelancongan terkenal di Malaysia. Ini kerana ia merupakan tanah paling selatan di benua Asia. Ia terletak dalam mukim Kukup, Daerah Pontian, Johor. Kini Tanjung Piai menjadi nama kawasan pilihan raya di Malaysia yang sebelum ini dikenali sebagai parlimen Pontian. Tanjung Piai terkenal dengan restoran makanan laut dan juga mempunyai hutan paya bakau yang indah dan belum terdedah kepada pencemaran mahupun pembangunan. Dari sini, kita dapat lihat bangunan pencakar langit Singapura yang dipisahkan oleh Selat Johor. Sebuah mercu tanda telah dibina di sini bagi menandakan ‘Tanah Terselatan Benua Asia’ yang dibina pada 2001. Gentian konkrit mesra alam berukuran 20 m tinggi dan 10 m lebar ini dibina oleh kerajaan negeri Johor. Warna kelabu pada mercu tanda Tanjung Piai menggambarkan kekayaan hutan paya bakau dan dataran lumpurnya. Dua pelepas Paku Piai raya (*acrostichum aureum*) diukir di permukaan mercu tanda bagi mengabadikan sejarah nama Tanjung Piai. Paku Piai didapati tumbuh dengan banyaknya bersama dirian bakau di sini. Tanjung pula bermaksud tanah atau tanah tinggi yang menganjur ke laut. Peta dunia yang terpapar menjelaskan kedudukan sebenar Tanah Terselatan Benua Asia, supaya dapat dihayati dan dihargai oleh para pelawat.

Tanjung Piai dinamakan sempena pokok bijirin tempatan yang dikenali sebagai pokok paku piai. Hutan bakau yang luas di sini digazetkan sebagai Hutan Simpan Paya Bakau oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor. Hutan bakau ini membentuk koridor paya bakau yang menyambungkan Pulau Kukup dengan tanah lembap Sungai Pulai. Keseluruhan kawasan Taman Negara Tanjung Piai meliputi 526 hektar kawasan bakau dan 400 hektar kawasan tanah lembut dan berlumpur. Terdapat hampir 30 spesis tumbuhan bakau di sini. Di sini dikatakan terdapat lima spesies burung air dan tujuh spesies burung pantai. Pokok bakau melindungi pesisiran pantai daripada hakisan dan menghindari banjir, di samping memberikan perlindungan dan pembiakan ikan, ketam, udang, pelbagai jenis molaska dan binatang-binatang lain. Burung-burung hijrah akan singgah di hutan bakau untuk berehat dan mendapatkan makanan sebelum terbang semula ke kawasan yang dituju.

Kini, Tanjung Piai diisytiharkan sebagai Taman Negara memandangkan di sini terdapat kekayaan khazanah alam semula jadi iaitu hutan, hutan paya bakau serta pelbagai spesies flora dan fauna. Taman ini juga menjadi tempat kediaman pelbagai jenis unggas dan hidupan paya bakau yang lain seperti ketam nipah, ikan tembakul serta kera pemangsa ketam. Sebelum diisytiharkan sebagai Taman Negara, Tanjung Piai adalah sebahagian daripada Hutan Simpan Bakau Sungai Pulai di bawah pengawasan Jabatan Perhutanan. Tanjung Piai telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Johor sebagai Taman Negara Johor pada tahun 1997. Kajiselidik ekologi telah dijalankan oleh Wetlands International-Malaysia pada tahun 2001. Pada tahun 2002, taman ini telah dibuka kepada orang ramai dan digazetkan sebagai Taman Negara Johor pada 26 Februari 2004. Taman ini juga telah diisytiharkan tapak Ramsar pada 31 Januari 2003. Ramsar mengambil sempena nama sebuah bandar di Iran yang menjadi tuan rumah Konvensyen Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa yang pertama pada tahun 1971. Tujuan utama konvensyen ini adalah untuk memulihara tanah lembap yang merupakan tempat berehat dan mencari makanan bagi burung-burung hijrah.

Malaysia menganggotai Konvensyen Tanah Lembap Berkepentingan Antarabangsa atau Ramsar pada tahun 1994. Tasek Bera di Negeri Pahang telah diisytiharkan sebagai tapak Ramsar pertama negara ini pada tahun tersebut. Sehingga kini, antara kawasan yang telah diisytiharkan sebagai Tapak Ramsar ialah Sungai Pulai, Tanjung Piai dan Pulau Kukup di Johor dan Kuching Wetland National Park di Sarawak. Terdapat 26 kawasan lain di seluruh Malaysia turut dikenal pasti sebagai kawasan tanah lembap yang mempunyai kepentingan antarabangsa.

Bersebelahan pintu masuk ke Taman Negara Tanjung Piai dibina sebuah mercu tanda bagi menggambarkan bahawa Tanjung Piai ialah "Tanah Paling Selatan Benua Asia". Mercu tanda yang berukuran 20 meter tinggi dan 10 meter lebar ini dibina oleh kerajaan negeri Johor pada tahun 2001. Bahan binaan mercu tanda ini ialah gentian konkrit mesra alam berwarna kelabu. Warna kelabu dipilih bagi menggambarkan kekayaan hutan paya pakau dan dataran lumpur yang terdapat di penghujung Benua Asia ini.

Pada permukaan mercu tanda diukir dua pelepas pokok piai raya (*acrostichum aureum*) bagi mengabadikan sejarah nama Tanjung Piai. Pokok piai raya didapati tumbuh dengan banyaknya bersama-sama pokok bakau di sini. Tanjung pula bermaksud tanah atau tanah tinggi yang menganjur ke laut. Peta dunia yang terpapar menjelaskan kedudukan sebenar "Tanah Paling Selatan Benua Asia" supaya dapat dihayati dan dihargai oleh para pelawat.

Sebelum masuk, anda perlu membeli tiket yang dijual di kaunter. Harga tiket adalah RM5 bagi dewasa (RM10 bagi pelancong luar negara) dan RM3 bagi pelawat yang berumur bawah 18 tahun (RM5 bagi pelancong luar negara). Kemudahan asas yang disediakan di sini ialah surau, tandas, kawasan perkhemahan, kaunter penerangan dan tempat meletak kenderaan. Antaranya aktiviti pelawat yang datang ke sini adalah berkhemah, memancing, melihat kunang-kunang dan melihat pemandangan serta keindahan Selat Teberau. Pelancong, terutama pelajar boleh mendapatkan maklumat tentang hutan bakau dan maklumat lain yang dipamerkan dalam kawasan taman. Setiap maklumat disertakan gambar yang berkaitan supaya senang difahami. Setelah masuk ke kawasan taman, terdapat laluan khas berupa jambatan kayu yang dibina merentasi hutan paya bakau ke beberapa destinasi. Terdapat laluan untuk ke pelantar yang sering menjadi tumpuan kaki pancing. Pelantar ini juga menjadi tempat pelancong menikmati keindahan Selat Melaka. Dari kejauhan kelihatan kapal-kapal yang melalui selat ini. Sewaktu cuaca cerah, Pulau Kerimon, Indonesia juga dapat dilihat dari pelantar ini. Terdapat laluan untuk pelawat menuju ke destinasi yang mesti dikunjungi, iaitu pelantar yang dibina menganjur ke laut Selat Melaka. Di pelantar ini dibina sebuah mercu tanda berbentuk bumi bagi menggambarkan bahawa di sinilah titik paling hujung di Benua Asia.

Tanjung Piai terletak kira-kira 75 kilometer dari Bandar Raya Johor Bahru. Untuk sampai ke sini, jika perjalanan anda melalui Lebuh Raya Utara-Selatan, susur keluar ke Simpang Renggam menuju ke Benut. Teruskan perjalanan ke Pontian, kemudian ke Kukup. Setelah sampai di Kukup, ikut arah papan tanda yang menunjukkan jalan ke Tanjung Piai. Pada masa ini tiada perkhidmatan bas ekspres yang disediakan untuk ke Taman Negara Tanjung Piai. Perkhidmatan teksi boleh didapati dari stesen bas Pontian.

Pekan Nenas terletak di daerah Pontian dan berkedudukan 43 kilometer dari pusat bandar Johor Bharu, Johor. Terdapat beberapa kemajuan dari segi infrastruktur yang terdapat di Pekan Nenas. Antaranya ialah jalan raya yang baik serta pasar minggu yang menyediakan pelbagai juadah dan kelengkapan sehari-hari yang dijual pada harga yang berpatutan. Pembangunan Pekan Nenas juga selari dengan arus globalisasi. Terdapat banyak kilang-kilang yang didirikan di Pekan Nenas sebagai ‘cendawan tumbuh selepas hujan’ seperti contoh kilang Shimano, Mastersofa, kilang memproses dan mengetin nenas dan pelbagai lagi. Selain itu, terdapat pelbagai jenis Industri Kecil dan Sederhana (IKS) serta tanaman kontan dan komersial yang ditanam di Pekan Nenas, antaranya ialah nenas, kopi, koko, pisang dan keladi. Di Pekan Nenas juga terdapat pusat pelancongan iaitu air terjun Gunung Pulai yang amat terkenal di negeri Johor kerana kejernihan dan pemandangan flora dan faunanya yang indah.

Kukup merupakan sebuah mukim yang terletak di selatan negeri Johor, dalam daerah Pontian, berhampiran dengan Pontian Kecil, Tanjung Piai dan menghadap Selat Melaka dan Selat Johor. Antara lokasi di sini ialah Bandar Permas, Kampung Permas Kechil, Kampung Sungai Durian, Kampung Sungai Kuali dan Kampung Serkat Barat. Kedudukan bandar Kukup tersorok ke tepi pantai Selat Melaka. Kukup mempunyai sebuah jeti atau pangkalan bot nelayan dan feri menuju ke Pulau Karimun, di Indonesia dan lain-lain. Kukup sesuai dijadikan jeti atau pangkalan nelayan kerana dilindungi dari angin kencang oleh Pulau Kukup. Ramai penduduknya terutama dari bangsa Cina dan Melayu bekerja di sektor perikanan dan pertanian seperti tanaman kelapa sawit. Kebanyakkannya golongan remaja bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Kukup. Beberapa buah restoran dibina bagi

peminat makanan laut terutama pengunjung Cina. Pemandangan waktu senja cukup menarik kerana matahari yang terbenam perlahan-lahan sekitar jam 7.00 petang dapat disaksikan dan dirakam. Kawasan ini mudah dan cepat dimajukan oleh pihak swasta kerana ramainya kaum Cina yang terlibat dalam sektor perniagaan, pelancongan, pengangkutan dan perdagangan. Kerajaan negeri Johor melalui Majlis Perbandaran Pontian telah membina bangunan jeti yang baru dan siap pada hujung 2009.

### **Pengaruh Geografi Terhadap Politik**

Ahli geografi menekankan kesan geografi hasil dari keputusan dan tindakan politik. Faktor geografi dipertimbangkan semasa membuat sesuatu keputusan dan faktor geografi yang mempengaruhi kesudahan tindakan politik. Faktor geografi penting misalnya taburan penduduk merupakan faktor utama mempertimbangkan kawasan pilihan raya luar bandar yang bilangan pengundinya lebih kecil berbanding dengan kawasan bandar. Dalam geografi pilihan raya, faktor geografi terlibat dalam kaedah membahagi kawasan pilihan raya yang berkaitrapat dengan perlembagaan negara. Dalam pembahagian kawasan pilihan raya, faktor manusia dan fizikal diambilkira umpamanya sempadan umum sesuatu kawasan pilihan raya diasaskan pada pola taburan dan komposisi etnik dan letakan sempadan sebenar berkebetulan dengan sungai, legeh, pantai atau tasik atau gunung/bukit. Faktor geografi dikaji untuk mengetahui sejauhmana ia mempengaruhi pola sokongan sesebuah parti politik, oleh itu faktor geografi manusia penting dalam kajian ini. Faktor geografi juga boleh mempengaruhi sesebuah parti politik membuat dasar atau rancangan dan strategi mereka untuk mengekalkan sokongan dalam sesuatu kawasan atau menarik sokongan di kawasan yang lemah atau faktor yang menggalakkan wakil rakyat mengundi atau menyokong keputusan kepentingan pengundi. Ahli geografi politik membuat sumbangan penting kepada kajian tentang perkembangan wilayah sesebuah negara, penentuan sempadan antarabangsa dan sifat penduduk sesebuah negara. Dalam kajian tentang badan-badan serta pentadbiran antarabangsa, faktor geografi penting dalam pertelingkahan sempadan/wilayah, masalah kumpulan minoriti dan undang-undang laut yang melibatkan kedua-dua faktor manusia dan fizikal. Ahli geografi menganalisis hubungan timbal balik antara geografi dan politik serta menghuraikan pola politik yang timbul dari interaksi yang berlaku. Hubungan antara geografi dan politik ialah pengaruh aspek geografi iaitu ruang, jarak, ketersampaian, lokasi, sempadan, kawasan dan kewilayahannya terhadap proses politik seperti kuasa, pilihan raya, kepimpinan, kerajaan dan dasar awam.

### **Sejarah Dan Pendekatan Dalam Geografi Politik**

Geografi politik merupakan salah satu aspek geografi manusia iaitu satu bidang kajian yang lebih besar, tetapi didalamnya terkandung elemen pembeza yang membuatnya terkhusus. Oleh itu, seseorang pakar geografi politik mestilah melihat dari unit politik dan unit yang terpenting ialah negara. Dengan kata lain geografi politik memberi perhatian terhadap fenomena politik dan ia mestilah menumpukan perhatian kepada struktur institusi itu dijalankan dan bagaimana ia terlibat dalam pembentukan corak dan hubungan geografi. Penduduk, agama, bahasa, makanan, dan perumahan adalah antara elemen terpenting dalam institusi politik dan pembangunan masyarakat (Ramanathan 2013). Bidang kajian geografi politik merangkumi geopolitik, kajian kenegaraan, geografi pilihan raya, kuasa, imperialism, hubungan antarabangsa, persempadanan, Antartika, angkasa lepas, politik agama, politik bahasa, politik etnik, politik pengangkutan dan komunikasi, politik kependudukan, politik ekologi, politik tenaga dan politik gunatanah. Namun antara bidang geografi politik yang menjadi penekanan dalam pengajaran pada peringkat pengajaran tinggi ialah mazhab dan

pendekatan dalam geografi politik, geopolitik, geopolitik popular, geografi pilihan raya, dasar awam, Teori Ruangan Pengundian, Teori Heartland, pembangunan perumahan dan impak geopolitik, geografi dan hubungan antarabangsa serta pertelingkahan sempadan.

Asal-usul geografi politik dalam asal-usul geografi manusia itu akibat aktiviti ketenteraan dan politik serta hubungan antara geografi fizikal, wilayah negeri, dan kuasa kerajaan. Terdapat perhubungan yang rapat antara geografi serantau, melalui tumpuan pada ciri-ciri unik wilayah, dan determinisme alam sekitar dengan penekanan terhadap pengaruh persekitaran fizikal ke atas aktiviti manusia. Hubungkait ini mendapat perhatian ahli geografi Jerman iaitu Friedrich Ratzel (1897) dalam bukunya iaitu *Politische Geographie*, yang membangunkan konsep *Lebensraum* dengan jelas mengaitkan pertumbuhan budaya kenegaraan dengan pengembangan wilayah, dan kemudiannya digunakan untuk memberikan legitimasi akademik untuk pengembangan imperialis Kerajaan Reich III Jerman.

Kajian awal dalam geografi politik lebih memberatkan tentang persoalan-persoalan negara, ciri-ciri pertahanan dan keutuhan sesebuah negara. Ramai yang bersetuju Friedrich Ratzel (1844-1940) adalah pelopor awal dalam geografi politik (Muir 1975) melalui karyanya “*Politische Geographie*” yang mengetengahkan Teori Negara Organik. Ratzel berpendapat negara adalah kesatuan antara manusia dan alam, negara yang berkembang, mempunyai keperluan dan kehendak yang sama seperti hidupan yang lain termasuk juga manusia. Idea Ratzel ini telah dikembangkan lagi oleh Rudolf Kjellen (1864-1922) (Sothi 1982). Beliau mempunyai pendapat yang sama dengan Ratzel yang mengatakan negara berkembang sebagai organik dan menyerupai sifat manusia biasa. Selain daripada itu, Kjellen menyifatkan kuasa adalah faktor terpenting yang menjamin kekuatan dan keutuhan sesebuah negara. Beliau juga memberikan pendapat tentang kuasa laut dan kuasa darat yang menjadi penentu kepada kemunculan kuasa besar dunia.

Kesatuan rapat antara determinisme alam sekitar dengan pembekuan sempadan politik semasa Perang Dingin membawa kepada penurunan besar dalam kepentingan geografi politik yang telah diterangkan oleh Brian Berry pada tahun 1968 sebagai ‘mundur hampir menemui ajal’. Walaupun di kawasan geografi manusia yang lain, beberapa pendekatan baru telah menyegarkan penyelidikan, termasuk sains kuantitatif ruang, kajian tingkah laku, dan struktur Marxisme dan ini sebahagian besarnya diabaikan oleh ahli geografi politik yang utama. Hasilnya, geografi politik pada waktu tersebut adalah bersifat deskriptif dengan sedikit percubaan untuk menghasilkan generalisasi dari data yang dikumpulkan. Pada tahun 1976, Richard Muir telah berhujah bahawa geografi politik tidak mungkin boleh terkubur bahkan sebenarnya menjadi bidang kajian penting dalam ilmu kenegaraan dan hubungan antarabangsa.

Pada akhir tahun 1970-an dan seterusnya, bidang kajian geografi politik telah mengalami kebangkitan dan boleh dihuraikan sebagai salah satu yang paling dinamik sebagai sub-disiplin. Kebangkitan tersebut didorong oleh pelancaran Jurnal Geografi Politik sebanyak dua bulan sekali. Perkembangan ini telah dikaitkan dengan usaha-usaha oleh ahli geografi politik lain, sebagai contohnya, Ron J. Johnston (1979) mengenai geografi pilihan raya amat bergantung kepada penggunaan sains ruang kuantitatif, Robert (1986) mengasingkan kewilayahannya berdasarkan pendekatan tingkah laku, dan Peter Taylor (2007) menyatakan Teori Sistem Dunia bergantung kepada perkembangan Marxisme. Walau bagaimanapun, perkembangan ini berkaitan dengan perubahan di dunia selepas akhir Perang Dingin,

termasuk kemunculan order dunia baru dan pembangunan agenda penyelidikan baru, seperti tumpuan yang lebih terkini mengenai gerakan sosial dan perjuangan politik yang melampaui kajian nasionalisme kewilayahannya. Terdapat kajian geografi terbaru iaitu politik hijau termasuk yang geopolitik bantahan alam sekitar, dan peranan institusi politik dalam menangani masalah alam sekitar yang kontemporari (Johnston 1972 & 1979).

Geografi politik telah diperluaskan skop pendekatan sains politik tradisional dengan mengakui bahawa kuasa tidak terhad kepada negeri dan birokrasi, tetapi adalah sebahagian daripada kehidupan seharian. Ini telah menyebabkan keimbangan bahawa bidang kajian geografi politik yang semakin bertindih dengan bidang kajian sub-disiplin geografi yang lain seperti geografi ekonomi, geografi sosial dan budaya berhubung dengan kajian politik setempat. Walaupun geografi politik kontemporari mengekalkan banyak kajian tradisional dalam pengembangan pelbagai disiplin dalam bidang yang berkaitan namun ia adalah sebahagian daripada proses umum dalam geografi manusia yang melibatkan kajian sempadan antara kawasan, dan memperkuuhkan kajian antara disiplin tersebut. Oleh itu secara khususnya, geografi politik moden masa kini sering menganggap:

- 1) Bagaimana dan mengapa negeri dibahagikan kepada kumpulan serantau, iaitu kedua-duanya secara rasmi (contohnya Kesatuan Eropah) dan tidak formal (misalnya Dunia Ketiga)
- 2) Hubungan antara negeri dan bekas tanah jajahan, dan bagaimana semua ini disebarluaskan dari semasa ke semasa, contohnya melalui neo-kolonialisme
- 3) Hubungan antara kerajaan dan rakyat
- 4) Hubungan antara negeri termasuk perdagangan dan perjanjian antarabangsa
- 5) Fungsi dan perbezaan sempadan
- 6) Bagaimana dibayangkan geografi mempunyai implikasi politik
- 7) Pengaruh kuasa politik pada ruang geografi
- 8) Kajian keputusan pilihan raya (geografi pengundi)

Dalam konteks pengajian tinggi di seluruh dunia, bidang geografi politik menjadi salah satu bidang kajian politik yang diajar di universiti-universiti terkemuka di Eropah dan juga di Benua Amerika. Di Malaysia, hanya di Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya yang mempunyai kepakaran bidang geografi politik dari segi pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan penerbitan yang prolifik dan relevan dengan senario politik semasa.

Terdapat empat pendekatan utama yang digunakan dalam kajian geografi politik iaitu pendekatan analisis kuasa, pendekatan sejarah, pendekatan morfologi dan pendekatan fungsi. Pendekatan analisis kuasa melibatkan penganalisisan unit kuasa politik dan hubungan antara unit tersebut. Pendekatan ini mendefinisikan geografi sebagai salah satu daripada sumber kuasa dalam hubungan antarabangsa. Kuasa negara dibahagikan kepada lima komponen iaitu geografi, ekonomi, politik, sosiologi dan ketenteraan. Elemen dalam geografi pula merangkumi lokasi, saiz dan bentuk negara, kesuburan tanah, kesan iklim.

Pendekatan sejarah memberi fokus kepada keadaan masa lalu untuk memahami dan menganalisis yang wujud sekarang. Pertumbuhan negara dalam hubungan dengan keadaan fizikal dan budaya dikaji dalam pendekatan ini. Pendekatan ini turut membincangkan pelbagai elemen dalam hubungan alam-negeri, umpamanya bentuk batu kapur dapat

mempengaruhi keselamatan Kota Paris, sifat pemerintahan mempunyai kesan penting dari segi fisiografi dan pengangkutan. Oleh itu apa yang wujud sekarang adalah hanya dapat difahami dengan meneliti apa yang pernah wujud dahulu.

Pendekatan morfologi pula mengkaji kawasan mengikut bentuk iaitu pola dari ciri struktur. Pola merujuk kepada susunan yang dibentuk akibat hubungan antara unit politik pada peringkat negara, blok serantau, antarabangsa atau bahagian pentadbiran dalaman seperti lokasi, saiz dan bentuk. Struktur merujuk kepada ciri ruangan unit politik seperti penduduk dan pusat ekonomi, ibu negara, komponen, sempadan dan unit yang kurang maju atau bermasalah. Ciri-ciri geopolitik bagi sesebuah negara boleh dikaji melalui penduduk dan kawasan pusat ekonomi, ibu kota, sempadan dan unit kurang maju.

Pendekatan fungsi mengkaji fungsi sesuatu kawasan sebagai satu unit politik. Setiap kawasan politik dibahagikan kepada organisasi kawasan peringkat rendah yang setiap satu mempunyai fungsi pemerintahannya sendiri dan perhubungan politik yang lebih kukuh antara satu sama lain atau dengan luar negara Pendekatan ini memastikan negara berfungsi dgn sempurna ia mestinya berpadu. Faktor perpaduan ialah persamaan, pertalian dan berdikari termasuk hubungan ekonomi dan politik dengan negara lain. Oleh itu pendekatan ini harus mengkaji kuasa kekuatan atau pemerintahan negara dan kelemahan dalam konteks ruangan. Pendekatan ini juga dapat dilihat dalam hubungan ekonomi luaran sesebuah negara. Fungsi negara ialah untuk mencipta dan memelihara kestabilan ekonomi untuk rakyatnya (Rubenstein 1996).

Antara aliran pemikiran yang wujud dalam geografi politik ialah aliran pemikiran politik, aliran pemikiran ekologi politik dan aliran pemikiran organisme. Aliran pemikiran politik melihat geografi politik sebagai kajian pandang darat politik iaitu memerhati, menganalisis dan mencatat yang berlaku dan disatukan dalam corak ruang. Tumpuan kajian ialah wilayah politik, pola, tempat penting sebagai sempadan serta corak dasar luar negara dari aspek corak perhubungan antarabangsa, penjajahan. Pendekatan ini mempunyai kelemahan iaitu membataskan kajian kepada bukti aktiviti dan organisme yang dapat dilihat sahaja. Walau bagaimanapun aliran pemikiran ini berjaya menghasilkan asas yang luas dan mengemukakan perbezaan fenomena politik antara satu tempat dengan yang lain di muka bumi. Aliran pemikiran ini menganggap geografi politik sebagai sains kawasan politik atau lebih khusus sebagai satu ciri kawasan yang berhubung dgn ciri-ciri kawasan lain.

Aliran pemikiran ekologi politik pula memberi penumpuan/pemerhatian kepada masyarakat manusia dan bukan kepada kawasan. Aliran pemikiran ini menumpukan kajian pada penghuraian dan tafsiran cara bagaimana manusia telah menyesuaikan struktur dan tingkah laku politik dengan ciri kawasan tempat tinggal mereka. Ia menjadi usaha manusia untuk menyesuaikan dgn cabaran dan had penting yang ditimbulkan oleh kawasan mereka. Aliran pemikiran ini melihat geografi politik sebagai kajian terhadap penyesuaian ahli masyarakat dari segi politik-geografi dengan keadaan semula jadi di kawasan tersebut. Dalam konsep organisasi, pakar geografi politik mengkaji kemudahan yang didapat dari aspek sumber, organisasi dan hubungan fungsional dalam kawasan yang diduduki, bagaimana negara menghasilkan makanan, menyara penduduk, memperluaskan kawasan dan mempertahankan diri, matlamat dan semangat kebangsaan serta masalah yang timbul dari keseluruhan keseimbangan itu. Aliran pemikiran ini cuba menganalisis situasi sebenar dan bukan mempertahankan polisi kerajaan yang saling bercanggah. Aliran pemikiran ini juga melihat bagaimana negara mengadakan intrepitasi geografi hubungan antarabangsa. Selain itu, aliran

pemikiran ini mengkaji masalah yang timbul daripada perhubungan antara masyarakat dengan persekitaran yang perlu mendapat perhatian dan tindakan kerja dalam membentuk organisasi.

Aliran pemikiran organisasi pula beranggapan bahawa negara seperti hidupan organisme yang mempunyai keperluan biotik asas untuk berkembang. Aliran pemikiran ini mengkaji mengenai kehidupan ekonomi, pembentukan etnik dan sosial, pemerintahan, undang-undang, perlembagaan dan sejarah sesuatu kawasan dari aspek geografi asasnya. Ia juga merupakan strategi manusia, ruang dan sumber. Aliran pemikiran ini mengkaji bentuk politik yang dapat dilihat, terikat pada lokasi dan sumber asas sesuatu kawasan, strategi ruang untuk dasar kebangsaan dan juga strategi asas ketenteraan untuk memperluaskan pertahanan.

### **Geopolitik**

Geopolitik berasal dari kata ‘geo’ dan ‘politik’. ‘Geo’ bermaksud bumi dan ‘politik’ berasal dari bahasa Yunani ‘politeia’. ‘Poli’ ertinya kesatuan masyarakat yang berdiri sendiri dan ‘teia’ ertinya urusan. Geopolitik diertikan sebagai sistem politik atau peraturan-peraturan dalam wujud kebijaksanaan dan strategi nasional yang didorong oleh aspirasi nasional geografi (kepentingan yang titik beratnya terletak pada pertimbangan geografi, wilayah atau territorial dalam maksud yang luas) suatu negara, yang apabila dilaksanakan dan berhasil akan berdampak langsung kepada sistem politik suatu negara. Sebaliknya, politik negara itu secara langsung akan berdampak pada geografi negara yang berkaitan. Geopolitik juga ialah kajian yang menganalisis geografi, sejarah, serta sains sosial, dengan rujukan kepada politik antarabangsa. Ia memeriksa kepentingan politik dan strategi geografi, dengan geografi ditakrifkan dari segi lokasi, keluasan dan sumber kawasan-kawasan. Perkataan ini telah dicipta oleh Rudolf Kjellén, seorang ahli sains politik Sweden, pada permulaan abad ke-20. Kjellén telah diilhami oleh ahli geografi Jerman, Friedrich Ratzel, yang menerbitkan bukunya, Politische Geographie (geografi politik) dalam tahun 1897. Buku itu dipopularkan dalam bahasa Inggeris oleh diplomat Amerika, Robert Strausz-Hupé, seorang ahli fakulti Universiti Pennsylvania.

Geopolitik tertumpu pada geografi sosial (hukum geografi), mengenai situasi, keadaan, atau kumpulan-kumpulan geografi dan perkara yang dianggap relevan dengan ciri-ciri geografi sesebuah negara. Maka dasar penyelenggaraan bernegara adalah berdasarkan atas keadaan atau tempat tinggal negara itu. Dalam erti kata yang lain geopolitik merupakan kuasa pemerintahan atau pengaruh individu untuk menyokong sesuatu pihak (Flint 2006). Geopolitik juga bermaksud pengaruh kuasa terhadap sesuatu kawasan dari segi etnik, parti politik, pemimpin, kerajaan dan penguasa setempat.

Friedrich Ratzel (1844-1904) merupakan seorang ilmuan produktif yang berjaya serta ahli geografi yang mahir dalam bidang biologi, ilmu kimia dan banyak lagi. Beliau dipengaruhi kuat oleh penjelajahan Darwin dan teori sosial Darwin. Menurut betiau, negara adalah tanah di mana manusia tinggal di atasnya, dihubungkan dengan idea negara dan undang-undang asal dengan ikatan pembangunan untuk persekitaran asas. Maksudnya ialah, negara diumpamakan seperti tumbuh-tumbuhan dan manusia tidak boleh bertindak dengan baik di kawasan gurun dan kutub. Negara memerlukan makanan dalam bentuk *lebenstraum* (tempat tinggal) dan mereka mesti bersaing untuk tujuan tersebut. Negara seperti organisma yang mesti tumbuh atau mati. Mereka hidup berperingkat dari usia muda, dewasa dan tua. Daya hidup sesebuah negara umumnya boleh diukur melalui saiz sesebuah negara pada masa

tertentu. Dalam tahun 1896, Ratzel telah mengeluarkan apa yang disebut sebagai tujuh undang-undang pertumbuhan negara iaitu

- 1) Ruang sesebuah negara wujud dengan perkembangan jumlah penduduk yang mempunyai budaya yang sarna
- 2) Pertumbuhan sesebuah kawasan mengikut aspek-aspek pembangunan yang lain
- 3) Sesebuah negara berkembang melalui penyerapan unit-unit yang kecil
- 4) Sempadan adalah organ peripheral yang melambangkan pertumbuhan dan kekuatan negara
- 5) Dalam pembahagian sesebuah negara diserapkan unsur-unsur politik sebagai nilai sesebuah kawasan
- 6) Dorongan untuk pertumbuhan wujud untuk negara-negara primitif daripada tamadun pembangunan yang lebih tinggi
- 7) Hala tuju kawasan pertumbuhan telah merebak dan meningkat dalam proses penyebaran

Daripada ketujuh-tujuh undang-undang berkenaan, Ratzel merumuskan bahawa penerangan beliau lebih kepada analogi dan penyusunan berdasarkan kepada perhubungan antara manusia dan persekitaran bagi kedua-dua arah. Ia mengambil kedudukan sebagai penyerap idea-idea tanpa membuat sebarang polisi. Rudolf Kjellen (1864-1922) merupakan ahli sains politik dan ahli parlimen Sweden. Kjellen menggunakan kebenaran analogi Ratzel dan mendeskripsikan negara seperti organisme. Beliau mengemukakan teori beliau iaitu - lima komponen pembentukan negara iaitu Kratopolitik (Struktur Kerajaan), Demopolitik (Struktur Penduduk), Sosiopolitik (Struktur Sosial), Oekopolitik (Struktur Ekonomi) dan Geopolitik (Struktur Fizikal) (Agnew 2003).

Kjellen melihat negara dalam keadaan yang kukuh dengan bersaing antara negara lain. Negara yang besar akan menambah kuasa mereka dengan negara yang lebih kecil. Akhirnya dunia akan mempunyai hanya beberapa negara yang besar dan kuasa ekstrim. Sementara itu, ilmuwan-ilmuan lain tidak memfokus sesebuah negara sahaja tetapi ke seluruh dunia dan cuba untuk membentuk dasar dan pembangunan negara. Mereka mengambil gambaran global dan sebenarnya memperakarkan polisi dan strategi untuk diikuti oleh kerajaan mereka. Alfred Thayer Mahan (1840-1914) membahagikan enam faktor berkenaan dengan pembangunan dan penyelenggaraan pengaruh terhadap laut iaitu:

i. Lokasi Geografi

Negara mempunyai kawasan laut ataupun lautan, sama ada airnya saling berhubungan, sama ada ia juga tidak mantap, terdedah kepada sempadan daratan, boleh mengekalkan strategi asas seberang laut dan mendapat kepentingan laluan perdagangan.

ii. Bentuk Fizikal Sesebuah Negara

Sama ada sempadan laut negara mempunyai pelabuhan semula jadi, muara, teluk dan jalan keluar. Ketiadaan pelabuhan akan menghalang manusia daripada mempunyai perdagangan lautnya sendiri, industri perkapalan atau tentera laut

iii. Penyambungan kawasan (Panjang sempadan pinggir pantai)

Memudahkan pengekalan pantai.

iv. Jumlah Penduduk

Negara dengan populasi yang tinggi akan lebih mampu membina dan mengekalkan perdagangan marin dan tentera laut negara berbanding populasi yang kecil.

v. Sifat Kebangsaan

Kebolehan untuk mengejar hal-hal perdagangan terhadap pengaruh di laut berdasarkan kepada keamanan dan perdagangan yang meluas.

vi. Dasar kerajaan

Sama ada polisi kerajaan memberi kelebihan ke atas peluang yang disediakan melalui persekitaran dan populasi untuk menunjukkan pengaruh di laut.

Berdasarkan kepada enam aspek tersebut, Mahan dalam bukunya yang bertajuk, "The Influence of Sea Power" merumuskan: ...sekiranya letak sesebuah negara itu, sebegitu rupa, bahawa negara tersebut tidak sarna ada terpaksa mempertahankan dirinya melalui darat, ataupun juga didorong untuk meluaskan wilayahnya melalui darat, menerusi matlamat tunggalnya yang diarah ke laut, negeri ini mempunyai suatu kelebihan berbanding dengan pihak yang sempadan-sempadannya merupakan daratan benua (Glassner 1993; Hartshorne 1971).

Geopolitik dibangunkan pada penghujung abad ke-19 dan 20 sebagai pembangunan baru dalam sains dan teknologi yang membimbing manusia untuk menjadi pemimpin dunia dan masyarakat yang terdahulu. Penggabungan negara moden Jerman dan Itali yang paling menarik adalah melalui ahli imperialism Eropah yang menyatakan bahawa penggabungan ini telah menggugat sedikit kedudukan Jepun dan Amerika Syarikat sebagai kuasa imperialism baru; pertumbuhan penduduk yang pesat dan tekanan dalam sumber, perbezaan pembangunan di pelbagai tempat pada zaman berkenaan telah menyumbang kepada perspektif perancangan dan sistem-sistem polisi. Diluar keghairahan pemikiran baru, wujud dua aliran pemikiran geopolitik dalam sifat semula jadi. Satu daripadanya wujud daripada sistem sosial Darwin iaitu Teori Bangsa Organik dan satu lagi dikenali sebagai Geostrategi yang merupakan fakta geografi dalam memajukan sesuatu secara fleksibel (Cohen 2003).

### **Geografi Pilihan Raya**

Geografi pilihan raya adalah kajian aspek ruangan organisasi manusia dan keputusan pilihan raya. Geografi pilihan raya juga merupakan kajian yang melibatkan kajian persempadanan kawasan pilihan raya; pemetaan keputusan pilihan raya berasaskan kawasan pilihan raya, etnik, lokasi bandar-luar bandar, umur, latar belakang sosioekonomi dan tahap pembangunan iaitu maju, membangun dan miskin; dan kajian pola pengundian berdasarkan lokasi bandar-luar bandar, etnik, jenis kawasan perumahan dan latar sosioekonomi. Subjek kajian yang utama adalah manusia dan interaksinya dengan proses pengundian termasuk keputusan pilihan raya (Reeve & Ware 1992; Amer Saifude 2009, 2013 & 2015). Dalam erti kata lain, geografi pilihan raya menekankan aspek analisis geografi dalam pilihan raya iaitu kajian tentang pola ruang dan kuasa dalam pengundian serta pengaruh faktor sejarah, sosiologi, ekonomi dan faktor setempat terhadap tingkah laku pengundi dan keputusan pilihan raya di sesuatu kawasan.

Faktor yang dikaji adalah untuk mengetahui sejauhmana aspek geografi manusia mempengaruhi pola sokongan sesebuah parti politik. Faktor geografi juga boleh mempengaruhi sesebuah parti politik membuat dasar/rancangan dan strategi mereka untuk mengekalkan sokongan di kawasan lemah atau faktor yang menggalakkan wakil rakyat menyokong keputusan untuk kepentingan pengundi di kawasan tersebut (Junaidi 2016a, 2016b & Junaidi et al. 2016). Geografi pilihan raya juga adalah satu kajian mengenai proses pilihan raya atau perwakilan yang berdasarkan faktor geografi iaitu perwakilan yang berdasarkan taburan pengundi serta merupakan kajian aspek ruangan organisasi manusia dan

keputusan pilihan raya. Peranan faktor ruangan ke atas keputusan dan tindakan dalam pengundian di sempadan sesuatu kawasan pilihan raya merupakan elemen penting dalam pengkajian geografi politik. Kepentingan proses-proses ruangan dikaji untuk melihat peranan faktor ruangan keatas keputusan dan tindakan individu dalam pengundian seperti pengaruh kejiranian yang berlaku dalam sesuatu wilayah atau sempadan sesuatu kawasan (NSTP Research and Information Services 1994; SPR 2007; Wan Ahmad 2014). Secara mudahnya, bidang kajian geografi pilihan raya merangkumi persempadanan bahagian pilihan raya, pemetaan dalam keputusan pilihan raya, tingkah laku pengundian dan pola pengundian mengikut aspek geografi seperti ruang, jarak, ketersampaian, lokasi, geografi fizikal dan keterbandaran.

Kajian tentang geografi pilihan raya bermula apabila pada tahun 1913, Andre Siegfried membentangkan kertas kerja dalam seminar kajian pilihan raya di Barat Perancis yang mengaitkan hubungan antara aspek geografi dengan faktor sosioekonomi. Kemudian pada tahun 1949, beliau seterusnya menghasilkan kajian tentang pola pilihan raya di kawasan pesisir Sungai Rhone, Perancis antara tahun 1871 hingga 1940. Dalam kajian tersebut, beliau menggunakan teknik perbandingan lukisan pemetaan antara tahun 1871 hingga 1940 yang memaparkan keputusan pilihan raya berdasarkan kedudukan kawasan-kawasan pilihan raya yang dimenangi parti-parti yang bertanding. Teknik tersebut dikembangkan lagi di Amerika Syarikat oleh Paullen dan Wright (1932), Dean (1949), Crisler (1952), Smith dan Hert (1955) seterusnya kajian-kajian pilihan raya di Eropah oleh Goguel (1951), Lancelot (1968) dan William (1970). Bermula tahun 1960-an hingga tahun 1970-an, pendekatan secara konseptual dan teknikal geografi pilihan raya telah dipopularkan oleh Burghart (1964), Lewis (1965), Reynolds & Archer (1969), Cox (1969), McPhail (1971) dan Salter & Mings (1972). Roberts & Rummage (1965) merupakan sarjana terawal menggunakan teknik statistik dalam analisis geografi pilihan raya dengan mengenalpasti hubungan antara undi yang diperoleh Parti Buruh pada tahun 1951 dengan aspek sosial, umur, tahap pendidikan, jenis perumahan, lokasi geografi dan jarak/ketersampaian (Glassner 1993).

Taylor dan Johnston mengenalpasti 3 perkara penting aspek geografi dalam kajian pilihan raya iaitu geografi pengundian; kesan aspek-aspek/fokus geografi terhadap pengundian; dan geografi keperwakilan. Aspek geografi pengundian merujuk kepada penjelasan terhadap pola pengundian selepas pilihan raya. Dalam tema ini, kaedah statistik (pernomboran) digunakan untuk menganalisis geografi pilihan raya sesuatu kawasan. Analisis perbandingan pemetaan antara pilihan raya-pilihan raya yang diperkenalkan oleh Siegfried telah digantikan dengan kaedah statistik (pernomboran) dan formula-formula pengiraan yang kompleks untuk memaparkan keputusan pilihan raya yang dikaji (Glassner 1993 & 1995; Blij & Murphy 1999).

### **Hasil Kajian dan Perbincangan**

Pasca PRU 2018 menyaksikan berlangsungnya PRK Parlimen Tanjong Piai pada 16 November 2019. Sepertimana sedia maklum bahawa BN berjaya menawan kerusi Parlimen Tanjong Piai dalam PRK 2019 yang mana sebelum ini kerusi ini dimenangi PH (PPBM/BERSATU) dalam PRU 2018. Calon BN/MCA, Datuk Seri Dr. Wee Jeck Seng, menang dalam PRK Parlimen Tanjong Piai tersebut dengan majoriti 15,086 undi selepas memperoleh 25,466 undi. Oleh itu dalam bahagian Hasil Kajian dan Perbincangan ini terdapat beberapa subtopik yang akan dikupas berkenaan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjong Piai, Johor iaitu calon yang bertanding, kempen, isu, keputusan PRK, geopolitik

dalam PRK Parlimen Tanjung Piai, geografi pilihan raya dalam PRK Parlimen Tanjung Piai, faktor kemenangan BN dan kekalahan PH dalam PRK Parlimen Tanjung Piai dan implikasi PRK Parlimen Tanjung Piai.

### ***Calon yang Bertanding***

Pilihan Raya Kecil Tanjung Piai menyaksikan persaingan antara enam penjuru iaitu Karmaine Sardini yang merupakan Ketua Bahagian BERSATU Tanjung Piai mewakili Pakatan Harapan (PH). Beliau merupakan bekas guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Kerang, Tanjung Piai, sebelum meneruskan pelajaran dalam bidang seni bina di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Karmaine juga pernah menjadi Bendahari UMNO Tanjung Piai sebelum meninggalkan parti tersebut. Pada pilihan raya umum yang lepas (2018), beliau telah bertanding di kerusi Parlimen Pontian, namun tewas kepada Datuk Seri Ahmad Maslan dari Barisan Nasional dengan majoriti 833 undi. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai arkitek di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dari tahun 1980 hingga 2000.

Selain itu, Datuk Seri Dr. Wee Jeck Seng (BN/MCA) juga merupakan salah seorang pesaing yang bertanding dalam pilihan raya kecil ini. Beliau merupakan bekas mahasiswa berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan dari Universiti Sunderland, memperoleh ijazah Sarjana pada tahun 2003 dan memperoleh ijazah PhD dalam bidang pengurusan awam daripada UUM, Sintok, Kedah pada Oktober 2019. Pada awalnya beliau telah memulakan kerjaya politiknya sebagai setiausaha politik kepada Datuk Ong Ka Ting. Kemudian beliau merupakan bekas Timbalan Menteri Belia dan Sukan Malaysia yang dilantik oleh Perdana Menteri Malaysia ke-6, Datuk Seri Najib Tun Razak, pada 9 April 2009 di Putrajaya. Beliau pernah menjadi wakil rakyat di kawasan ini iaitu pernah menjadi ADUN Pekan Nenas selama sepenggal (2004), serta Ahli Parlimen Tanjung Piai selama dua penggal (2008 dan 2013).

Seterusnya, Wendy Subramaniam yang juga merupakan anak kelahiran Johor Bahru tetapi dibesarkan di Kulai, Johor. Wendy yang juga anak kepada pasangan campuran iaitu ibunya yang berbangsa Cina dan ayahnya yang berbangsa India merupakan Naib Ketua Wanita GERAKAN dan dipilih oleh Presiden GERAKAN, Datuk Dr. Dominic Lau di ibu pejabat parti tersebut sebagai wakil calon bagi GERAKAN. Beliau kelihatan yakin akan penglibatannya dalam pilihan raya kecil ini kerana beliau melihat bahawa pihak lawannya iaitu Pakatan Harapan seperti tidak dapat menuaikan janji-janji mereka juga tidak mementingkan faktor ekonomi dan hanya bercakap mengenai kuasa. Buktinya ramai anak Johor terpaksa bekerja di Singapura demi mendapatkan gaji yang tinggi serta isu pencemaran Sungai Kim-Kim yang masih tidak diselesaikan.

Datuk Dr. Badhrulhisham Abdul Aziz juga telah dipilih sebagai calon Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (BERJASA) dalam pilihan raya kecil ini. Beliau telah dilahirkan di Sungai Balang, Muar, Johor pada 1 Disember 1963 dan telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Hajah Noorzaimen A. Kadir pada tahun 1983 serta dikurniakan 7 orang cahaya mata. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Inggeris, Tangkak dan Sekolah Menengah Inggeris, Kluang, Johor. Beliau juga telah dilantik sebagai Presiden BERJASA bagi sesi 2019-2020 dalam Mesyuarat Agung Tahunan BERJASA yang diadakan di Hotel Putra, Kuala Lumpur dan ini membuktikan bahawa beliau merupakan calon yang terbaik bagi mewakili parti BERJASA.

“Saya calon pengganti,” kata Faridah Aryani Abdul Ghaffar, 45, berhubung pencalonannya sebagai calon bebas dalam Pilihan Raya Kecil (PRK), Tanjung Piai. Ibu tunggal kepada empat orang anak itu berkata, dia dicalonkan pada saat akhir bagi menggantikan Pengasas Big Blue Taxi Facilities Sdn Bhd, Datuk Shamsuhahrin Ismail. Katanya, keputusan dibuat saat akhir oleh Gabungan Teksi SeMalaysia (GTSM) selepas Shamsuhahrin dirawat di hospital akibat sakit jantung. Beliau berkata bahawa beliau akan mempertahankan hak pemandu teksi dan e-hailing di seluruh negara dan akan membela golongan B40 kerana sebagai ibu tunggal, beliau berasa sangat terkesan dengan polisi kerajaan yang tidak mesra pemandu teksi dan e-hailing. Beliau berkata begitu kerana beliau pernah melalui saat-saat kesukaran tersebut sehingga beliau merasakan bahawa beliau perlu melakukan perubahan bagi mengubah nasib pemandu-pemandu teksi dan e-hailing. Beliau telahpun menjadi ‘bidan terjun’ pada saat-saat akhir bagi menggantikan Datuk Shamsuhahrin Ismail sebagai wakil calon BEBAS.

“Pemilik pusat tuisyen bertanding calon Bebas” merupakan slogan bagi calon BEBAS iaitu Dr. Ang Chuan Lock, 49. Beliau berkata bahawa sebelum ini beliau tiada niat untuk berkecimpung dalam bidang politik, akan tetapi perasaan itu muncul secara tiba-tiba setelah penyandang kerusi Parlimen Tanjung Piai, Allahyarham Datuk Dr Md Farid Md Rafik dari Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) kembali ke rahmatullah. Beliau juga berjanji akan memperjuangkan pendidikan penduduk Tanjung Piai agar dapat menjamin kejayaan generasi-generasi akan datang dalam bidang pendidikan disamping dapat memajukan negara seterusnya dipandang oleh negara-negara lain.

### **Kempen**

Kempen yang berjalan sepanjang tempoh pilihan raya kecil Tanjung Piai ini disifatkan aman dan tenteram oleh Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Kamarudin Md Din malah beliau sangat berpuas hati dengan perjalanan kempen dari semua parti politik bermula dari hari kenamaan calon sehingga hari berkempen tamat. Menurut pihak Polis Johor, meskipun terdapat beberapa kesalahan berlaku sepanjang tempoh berkempen seperti perbuatan menerbalikkan dan mencabut poster-poster, akan tetapi masalah tersebut dapat dibaiki dalam masa yang singkat dan tiada sebarang isu yang serius telah direkodkan. Kegiatan kempen yang dijalankan oleh calon-calon politik ini adalah seperti ceramah yang diadakan oleh parti Pakatan Harapan, dan juga melawat (walkabout) dari rumah ke rumah dan di pasar sehari bagi tujuan berkempen. Menurut Ketua Polis Johor, setiap parti perlu mendapatkan permit bagi menjalankan sebarang jenis kempen sama ada melalui kaedah melawat rumah ke rumah, ceramah mahupun berjalan kaki. Hal ini kerana, bimbang akan wujudnya pertembungan antara parti-parti yang terlibat.

### **Isu**

“Orang Melayu rasa kami (Pakatan Harapan) alat DAP, DAP pula rasa jadi alat Mahathir (Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad)”, demikian luahan Presiden Parti Amanah Rakyat (Amanah), Mohamad Sabu berhubung rintangan mahupun halangan yang perlu dihadapi oleh Pakatan Harapan (PH). Kebanyakan pengundi mengatakan bahawa mereka tidak yakin untuk mengundi PH, maka ini menunjukkan bahawa kebanyakan pengundi bersifat ‘atas pagar’ dan ini menjadi tugas pemimpin dan jentera parti tersebut untuk menunjukkan kesungguhan mereka dalam meyakinkan para pengundi agar mereka diberikan kepercayaan sekali lagi untuk menguasai erusi Parlimen Tanjung Piai. Peluang PH untuk

memenangi PRK kali ini amat tipis, akan tetapi perlu diingatkan lagi bahawa PH menguasai Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dan ia menjadikannya satu kelebihan kepada parti tersebut. Perlu diketahui lagi bahawa kedudukan Tanjung Piai terletak di hujung Semenanjung Benua Asia dan potensi kawasan pelancongan itu sangat baik, akan tetapi ia tidak dimajukan semaksimum mungkin. Oleh itu, jika pihak PH dapat menjanjikan pembangunan berterusan kawasan tersebut, sudah tentu ia akan menjadi suatu tumpuan serta dapat menarik pengundi untuk mengundi mereka sekali gus dapat memenangi pilihan raya kecil kali ini. Jelaslah bahawa PH perlu memainkan peranan penting dalam mengekalkan keyakinan rakyat untuk terus mengundi mereka kerana penduduk Tanjung Piai hanya menginginkan perubahan dari segi infrastruktur dan kemajuan serta pembangunan kawasan tersebut. Berikut ringkasan isu yang dicanangkan dalam PRK Parlimen Tanjung Piai.

- i. Isu pembangunan infrastruktur seperti jalan raya yang rosak, balai raya yang terbiar dan kemudahan sukan untuk belia.
- ii. Isu ekonomi (kos sara hidup, peluang pekerjaan dan peluang perniagaan)
- iii. Isu perkauman (Buy Muslim First/BMF) dan VMF (Vote MCA First) antara calon BN/MCA dan PH/BERSATU.
- iv. Isu DAP dominan dalam penentuan dasar/polisi Kerajaan PH
- v. Isu penganjuran Kongres Maruah Melayu oleh pimpinan BERSATU yang dilihat mengancam kaum bukan Melayu.
- vi. Isu hukum hudud yang diperjuangkan PAS yang bersekongkol dengan MCA yang anti Hudud.
- vii. Rakyat pelbagai kaum dan agama merasa terkesan dengan pentadbiran Pakatan Harapan yang tidak mesra rakyat. Momentum kebangkitan rakyat menentang kerajaan Pakatan Harapan semakin hari semakin kuat tanpa mengira latar politik, ideologi, kaum dan agama.
- viii. Isu termeterainya Penyatuan Ummah antara PAS, UMNO dan puluhan NGO berorientasikan Melayu Islam, gerakan massa ini merupakan penentu kemenangan kepada mana-mana parti yang bertanding.
- ix. Isu janji/manifesto PH yang belum tertunai.
- x. Isu pergolakan dalam PH dan parti-parti dalam PH
- xi. Isu peralihan kuasa PM antara Tun Dr. Mahathir dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

### ***Keputusan PRK Parlimen Tanjung Piai***

Calon Barisan Nasional (BN) iaitu Datuk Seri Wee Jeck Seng memenangi PRK Parlimen Tanjung Piai dengan majoriti 15,086 undi. Beliau memperoleh 25,466 undi menewaskan lima lagi calon yang bertanding. Calon Pakatan Harapan (PH/BERSATU), Karmaine Sardini pula memperoleh 10,380 undi. Calon Gerakan, Wendy Subramanian menerima 1,707 undi, manakala calon Berjasa, Datuk Dr Badrulhisham Abdul Aziz memperoleh 850 undi. Dua lagi calon bebas, Dr Ang Chuan Lock memperoleh 380 undi dan Faridah Aryani Abdul Ghaffar, 32 undi. Keputusan rasmi yang menyaksikan peratusan keluar mengundi pada PRK 2019 ialah 74.5 peratus itu (PRU 2018 – 85.7 peratus) telah diumumkan oleh Pegawai Pengurus PRK Tanjung Piai, Zulkifly Mohd Tahir di pusat penjumlahan undi PRK Tanjung Piai di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim, Pontian, Johor. Undi rosak ialah 595 undi. Keputusan penuh PKR Parlimen Tanjung Piai mengikut kawasan Daerah Mengundi dapat dilihat pada Jadual 1.

**Jadual 1: Keputusan penuh PKR Parlimen Tanjung Piai mengikut kawasan Daerah Mengundi**

Daerah Mengundi	Etnik (%)			Parti/Calon (Undi yang diperoleh)					
	Melayu	Cina	India	BN (Wee)	PH (Karmaine)	GERAKAN (Wendy)	BERJASA (Badrulhisham)	Ang (Bebas 1)	Faridah (Bebas 2)
Undi Pos	-	-	-	131	60	1	5	0	0
Undi awal	-	-	-	142	102	2	7	1	0
<b>DUN Pekan Nanas</b>									
Parit Kudus	95.62	3.70	0.27	808	260	5	34	2	2
Tg. Ayer Hitam	86.67	12.73	0.10	525	162	8	43	4	2
Ldg. South Malaya	79.54	19.69	0.19	910	235	24	33	4	1
Melayu Raya	99.20	0.07	0	965	211	1	56	2	0
Kg. Lubok Sawah	97.64	1.47	0.07	828	218	7	30	3	2
Tenggayon	70.09	28.73	0.53	1851	640	63	75	41	1
Peng. Raja Pontian	87.38	11.20	0.78	1137	296	26	58	4	1
Bandar Pekan Nenas Barat	12.70	86.82	0.35	609	391	145	5	3	0
Bandar Pekan Nenas Timor	15.43	82.28	1.82	1105	715	242	20	13	1
Bandar Pekan Nenas Tengah	23.65	73.81	1.97	1281	773	203	25	16	0
Bandar Pekan Nenas Selatan	39.91	57.72	1.87	2033	878	236	43	15	3
<b>DUN Kukup</b>									
Ldg. Sg. Burong	86.39	12.70	0	267	45	3	13	4	1
Jln. Rimba Terjun	17.07	80.59	1.97	515	484	114	15	67	0
Kg. Duku	36.44	61.50	1.30	1617	1073	223	45	88	2
Kg. Rimba Terjun	70.11	28.43	0.88	1050	409	31	61	19	2

Parit Hj. Ismail	56.36	42.79	0.39	568	468	36	28	13	1
Rambah	45.45	50.36	3.93	821	374	62	22	24	1
Parit Rambai	89.22	9.86	0.51	380	127	4	23	3	0
Peradin	92.51	6.34	0.14	464	83	2	9	0	0
Telok Kerang	87.00	12.05	0.35	961	411	23	45	3	2
Penerok	66.39	31.75	1.02	1150	351	48	29	24	0
Sungai Boh	98.63	0.82	0.14	472	65	41	9	4	0
Bndr Permas Kechil	30.94	66.97	0.75	150	66	9	3	1	0
Permas Kechil	31.01	67.91	0.52	1212	487	66	15	14	3
Sg. Durian	80.10	18.85	0.37	725	143	19	20	4	3
Serkat	97.24	2.01	0.19	944	253	7	39	1	0
Andek Mori	91.63	7.50	0.33	872	275	8	14	2	4
<b>JUMLAH</b>	<b>56.74</b>	<b>41.67</b>	<b>1.01</b>	<b>25,466</b>	<b>10,380</b>	<b>1707</b>	<b>850</b>	<b>380</b>	<b>32</b>

Sumber: SPR 2019

### ***Geopolitik dalam PRK Parlimen Tanjong Piai***

Geopolitik bermaksud pengaruh kuasa terhadap sesuatu kawasan dari segi etnik, parti politik, pemimpin, kerajaan dan penguasa setempat. Justeru, aspek geopolitik yang akan dikupas dalam kertas kerja ini ialah pengaruh geopolitik etnik, parti politik dan pemimpin dalam mempengaruhi keputusan dan pola pengundian PRK tersebut.

Dari segi geopolitik etnik, didapati kedua-dua etnik Melayu dan Cina menyokong calon MCA/BN daripada etnik Cina disebabkan faktor calon dan identifikasi parti yang kukuh dalam PRK Parlimen Tanjong Piai tersebut. Majoriti pengundi Cina mengundi dalam PRK kali ini berdasarkan kepada faktor calon (sosiologi) iaitu Datuk Seri Dr. Wee Jeck Seng daripada etnik Cina juga serta berdasarkan kepada faktor lebih kenal dan kenang jasa calon BN/MCA tersebut yang pernah menjadi ADUN Pekan Nenas selama sepenggal (2004), serta Ahli Parlimen Tanjung Piai selama dua penggal (2008 dan 2013).

Faktor sokongan kepada calon berkait rapat dengan pendekatan sosiologi yang diguna oleh pengundi untuk mengundi dalam sesuatu pilihan raya. Sosiologi berasal dari dua kata iaitu *socius* dan *logos*. *Socius* bermaksud rakan, kawan dan kenalan terdekat manakala *logos* bermaksud ilmu. Keseluruhananya sosiologi bermaksud ilmu tentang kehidupan manusia. Kehidupan bersama yang dimaksudkan dalam sosiologi ialah kehidupan bersama dalam masyarakat. Rahimah (2001) konsep sosiologi seperti kuasa, kelas, etnik, konflik dan susun lapis diaplikasikan untuk menganalisis fenomena sosial dalam konteks masyarakat masa kini. Melalui kajian sedemikian telah terhimpun kajian yang menghuraikan berbagai isu sosial sama ada dari aspek teoritis atau empiris. Tingkah laku pengundi dalam kalangan pengundi berdasarkan kepada pendekatan sosiologi adalah berkait rapat dengan kumpulan sosial iaitu status sosioekonomi, agama dan persekitaran tempat tinggal. Mereka membuat andaian

bahawa kumpulan-kumpulan sosial ini berkongsi kecenderungan yang sama dan ini menyebabkan corak pengundi adalah berdasarkan kumpulan-kumpulan sosial tersebut. Faktor kelas sosial, etnik, ekologikal juga memainkan peranan yang penting dalam aspek tingkah laku pengundi. Selain itu, mereka turut menjelaskan bahawa agen sosialisasi persekitaran tempat tinggal yang mempengaruhi pendapat politik dan tingkah laku pengundi adalah keluarga, rakan-rakan dan jiran-jiran (Lazarsfield, Barelson & Goudet 1968). Pendekatan sosiologikal menekankan bahawa status sosioekonomi (pendidikan, pendapatan dan kelas), agama, etnik dan tempat tinggal (bandar atau luar bandar) mempunyai kaitan yang rapat dengan pilihan pengundi (Ghazali 2008).

Bagi pengundi Melayu pula, meskipun PH meletakkan calon Melayu namun majoriti mereka masih mengundi calon etnik Cina daripada BN/MCA. Ini kerana pengundi Melayu di Parlimen Tanjung Piai dan juga di Johor masih setia dengan identifikasi parti serta patuh kepada arahan pimpinan parti iaitu UMNO/BN. Mereka akan terus mengundi berdasarkan parti dan mereka tidak kisah latar belakang sosioekonomi calon tersebut. Oleh sebab itulah calon BN iaitu Datuk Seri Dr. Wee Jeck Seng daripada etnik Cina menang di kesemua Daerah Mengundi majoriti etnik Melayu termasuk di kawasan asal calon PH sendiri iaitu di Sungai Kerang.

Identifikasi parti ditakrifkan sebagai orientasi afektif individu kepada kumpulan yang penting dalam persekitaran (Pavlović & Todosijević 2018). Teori psikologi sosial adalah merupakan pengenalan parti yang dibentangkan dalam pengundi yang menunjukkan bahawa pengenalan parti membangun awal dalam kehidupan seseorang dan dipengaruhi oleh ibu bapa seseorang melalui proses sosialisasi politik (Campbell 2002). Lama-kelamaan, ia membentuk lampiran yang efektif kepada pihak tertentu secara berterusan dalam kehidupan mereka dan membentuk pandangan serta penilaian politik mereka (Weinschenk 2010). Keadaan ini adalah disebabkan oleh penilaian warna pengenalan parti rakyat isu, calon, dan peristiwa politik dapat memainkan peranan penting dalam pilihan undi mereka (Dalton 2016; Weinschenk 2010). Denver (2003), juga turut menyimpulkan bahawa identifikasi parti adalah merupakan satu bentuk psikologi dan pengundian dikaitkan dengan tingkah laku. Dalam erti kata lain, identifikasi parti adalah merupakan dalam fikiran pemilih dan pengundian adalah satu bentuk tindakan (Valls 2014).

Menurut Dalton (2016), identifikasi parti ini juga adalah merupakan petunjuk utama dalam membimbing sikap dan tingkah laku masyarakat yang menyebabkan mereka cenderung untuk berulang kali menyokong parti pilihan mereka walaupun calon dan isu-isu berubah. Menurutnya lagi, hubungan parti ini dapat menggerakkan orang untuk menyokong parti mereka dan bekerja untuk parti semasa kempen. Identifikasi parti juga adalah merupakan sesuatu yang penting kerana ia dapat menyusun pandangan seseorang mengenai dunia politik, memberi petunjuk untuk menilai calon politik dan isu-isu, membentuk pilihan suara, mempengaruhi penyertaan dalam pemilihan serta menggalakkan kestabilan dalam sistem pemilihan (Berglund et al. 2005).

### ***Geografi Pilihan Raya dalam PRK Parlimen Tanjung Piai***

Geografi pilihan raya pula merupakan satu bidang kajian mengenai perbezaan aspek geografi seperti kawasan, persempadanan, kependudukan, pembangunan dan pengaruh ekonomi terhadap trend politik kewilayahannya. aspek geografi pilihan raya yang akan dihursti dalam kertas kerja ini ialah pemetaan dari segi pengaruh kawasan (maju-mundur), persempadanan,

lokasi (bandar-luar bandar), ketersampaian, fizikal (semula jadi dan buatan manusia). Pengaruh geografi juga merupakan pengaruh persekitaran atau keadaan sekeliling sama ada dalam keadaan fizikal semula jadi; ataupun persekitaran sosial/budaya kemanusiaan. Pengaruh geografi dapat dibahagikan kepada dua iaitu geografi fizikal dan geografi kemanusiaan. Elemen-elemen geografi dapat dibahagikan kepada kawasan iaitu wilayah, negeri, Parlimen, DUN, Daerah Mengundi dan lokaliti atau tempat kediaman; lokasi; jarak; ketersampaian; kepulauan; kedekatan dengan sumber air seperti sungai dan pantai; keadaan ruang seperti skim pembangunan iaitu FELDA, FELCRA dan perkampungan Orang Asli iaitu Pos, kampung tradisi etnik tertentu, tahap pembangunan, bandar-luar bandar, kedekatan dengan institusi seperti tempat pengajian agama dan institusi pendidikan tinggi; faktor kejiranan dan sebagainya. Dari segi tahap keterbandaran iaitu bandar-luar bandar, indikator yang digunakan bagi mengenalpasti kerusi luar bandar, semi bandar dan bandar adalah seperti berikut.

- i. Luar bandar – kawasan kampung/bandar kecil/ladang yang berada dalam kerusi tersebut. Umumnya kerusi luar bandar mempunyai populasi yang rendah.
- ii. Semi bandar – kawasan pinggir bandar besar atau bandar kecil yang juga termasuk kampung-kampung di dalamnya. Sebahagian kawasan semi bandar juga merupakan kawasan bandar, tetapi mempunyai kawasan DUN di kawasan luar bandar di dalamnya.
- iii. Bandar – kawasan yang mempunyai pembangunan yang pesat serta kegiatan ekonomi bukan berasaskan pertanian. Majoriti pengundi bandar adalah pengundi Cina dan campuran dengan penduduk kelas menengah yang tinggi.

Dari segi geografi pilihan raya, semua kawasan Daerah Mengundi luar bandar yang majoritinya daripada etnik Melayu terus kukuh menyokong calon MCA/BN manakala semua kawasan bandar/pekan yang majoritinya daripada etnik Cina telah berlaku sedikit peralihan undi daripada PH kepada BN/MCA disebabkan faktor calon, keadaan sosioekonomi dan isu semasa yang memberi kelebihan atau kemenangan kepada BN/MCA di kesemua Daerah Mengundi bandar tersebut.

Politik bandar ialah senario politik yang berlaku di dalam dan di sekitar kawasan bandar. Istilah ini merujuk kepada kepelbagaiannya struktur politik yang ada di kawasan bandar yang dihuni pelbagai bangsa, budaya dan status ekonomi. Politik bandar ialah bidang kajian sains politik yang termasuk bidang kajian bandar, yang menggabungkan banyak aspek bandar, pinggir bandar, dan pembandaran. Ini termasuklah perkara seperti struktur kuasa politik; etnik, kelas, jantina, hubungan sosial di bandar dan pinggir bandar; dan politik ruang dan hubungan reruang. Proses pembandaran di seluruh dunia yang berterusan sesetengahnya digambarkan sebagai satu bentuk proses semula jadi, seperti yang ditentukan oleh keadaan dan struktur ekonomi atau sesuatu yang lain di luar kawalan manusia. Bagaimanapun, kajian politik bandar menunjukkan keadaan yang berbeza sama sekali, bahawa proses pembandaran mempunyai kaitan dengan pengaruh politik. Politik bandar berlaku di lapangan (ruang bandar) dalam kalangan masyarakat dan berkongsi dengan ruang kehidupan sehari-hari penduduknya. Ini membuatkan kajian politik bandar amat mencabar dan sukar untuk dianalisis dengan tepat dan rasional (Jacobs 1961; Jones 2004; Toothman 2010; Owens et al. 2010).

Politik luar bandar dikaitkan dengan dominasi pengundi etnik Melayu. Budaya politik Melayu dipengaruhi oleh unsur-unsur feudal seperti sifat taat setia, akur, submisif dan

dikukuhkan lagi dengan hubungan politik patron-client (penaung-dinaung) antara yang memerintah dengan yang diperintah yang ditunjukkan oleh rakyat sebagai balasan terima kasih. Keadaan sedemikian mengukuhkan lagi kepemimpinan hegemoni politik Melayu yang ditunjangi UMNO sebagai tulang belakang Barisan Nasional (BN). Begitu juga ketahanan status quo, sebahagian kawasan parlimen dan negeri masih memiliki pengundi tegar yang mengekalkan status quo parti memerintah, contohnya PAS di Kelantan (Nur Azuki & Iskandar 2019). Dalam memperkatakan budaya politik Melayu, beberapa ciri yang sering dikaitkan dengan budaya politik Melayu iaitu ekonomi, Raja-Raja Melayu, Islam, Bahasa Melayu dan keadilan/ketelusan (politik baru). Kesemua ciri-ciri budaya politik Melayu tersebut mempengaruhi sokongan terhadap BN dalam setiap Pilihan Raya Kecil (PRK).

Kebanyakan daripada pengundi Melayu terutamanya di kawasan luar bandar menyokong UMNO/BN kerana mereka menganggap UMNO yang menjadi tunjang dan juga tulang belakang BN/Perikatan telah mempunyai trek rekod pemerintahan yang berjaya sejak merdeka hingga sekarang dan dapat menyatukan semua kaum sejak sekian lama. Tidak dinafikan juga sumbangan parti melayu Islam lain yang memerintah negeri seperti PAS (Nur Azuki & Iskandar 2019). Orang Melayu di kawasan luar bandar berkecenderungan untuk menyokong seterusnya mengundi calon UMNO kerana mereka ingin melihat keamanan, kemajuan, perpaduan, kestabilan dan kesejahteraan politik serta masih bergantung kepada pembangunan berterusan di kawasan mereka. Mereka masih memerlukan pembangunan yang berterusan di kawasan mereka kerana masih ramai dalam kalangan mereka yang miskin dan terpinggir seterusnya memerlukan pembelaan parti bangsa Melayu tersebut. Justeru, dengan sokongan yang diberikan kepada UMNO, mereka berharap kesinambungan pembangunan dapat diteruskan oleh pemimpin Melayu UMNO untuk terus berkuasa dalam politik negara. Mereka juga berpandangan bahawa hanya UMNO yang dapat memperjuangkan dan mempertahankan hak-hak dan ketuanan Melayu serta memartabatkan institusi Raja/Kesultanan dan kesucian agama Islam. Mereka juga mahukan jawatan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri dikekalkan kepada pemimpin Melayu dengan harapan pemimpin Melayu ini dapat menjaga kedaulatan agama, bangsa dan negara tanah air. Mereka juga berpandapat bahawa BN sudah teruji dan terbukti berjaya memajukan bangsa, agama dan negara dengan mengambil kira toleransi, hormat-menghormati dan perpaduan antara kaum dan agama berlandaskan prinsip Runun Negara dan Perlembagaan Persekutuan.

### **Faktor Kemenangan BN dan Kekalahan PH dalam PRK Parlimen Tanjung Piai**

Antara faktor utama penyumbang kepada majoriti besar Barisan Nasional pada Pilihan Raya Kecil Tanjung Piai, 16 Nov lepas, adalah kerana faktor calonnya iaitu Datuk Seri Dr. Wee Jeck Seng itu sendiri. Pesona, populariti dan khidmat bakti Wee yang merupakan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Pekan Nenas selama sepenggal, serta bekas Ahli Parlimen Tanjung Piai selama dua penggal, nyata menepati tahap kepuasan masyarakat di situ. Bekas Ahli Parlimen Tanjung Piai itu dilihat lebih berpengalaman, berwibawa dan mesra berbanding calon Pakatan Harapan (PH), Karmaine Sardini. Peribadi Wee Jeck Seng dan keampuhan jentera BN dibantu PAS melalui kerjasama Muafakat Nasional dianggap faktor utama memberi kemenangan besar BN. Kekuatan Jeck Seng juga ditunjangi oleh keampuhan jentera BN dan PAS yang berjaya disatukan menerusi Muafakat Nasional. Faktor tersebut amat signifikan kerana jentera UMNO dan PAS dilihat berusaha keras memastikan setiap pengundi putih dibawa keluar mengundi, walaupun kerusi Parlimen Tanjung Piai ditandingi calon dari MCA. Selain itu, isu-isu kemarahan dan kekecewaan rakyat terutama masyarakat Cina terhadap kegagalan kerajaan menangani peningkatan kos sara hidup, janji manifesto Pilihan

Raya Umum ke-14 (PRU-14) tidak dipenuhi dan kegagalan PH menangani isu-isu sensasi dimainkan BN juga menyumbangkan kepada faktor kekalahan PH pada kali ini. Calon PH juga dilihat terperangkap dengan isu tercusus akibat kesilapan mereka sendiri di samping kebijaksanaan jentera BN memainkan isu-isu negatif melibatkan Kerajaan PH yang akhirnya mempengaruhi keputusan pengundi. Secara ringkasnya, terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kemenangan BN dan kekalahan PH dalam PRK Parlimen Tanjong Piai.

- i. Faktor calon PH - pendekatan kurang berjaya berbanding calon BN MCA.
- ii. Faktor Muafakat Nasional - Kempen dijalankan oleh pihak UMNO untuk PDM Melayu menjelaskan tentang Muafakat Nasional UMNO - PAS. Pendekatan sederhana namun memberi impak terus kepada sentimen pengundi Melayu di luar bandar. UMNO dan PAS dilihat parti kekampungan ada penyokong *grassroot*/akar umbi.
- iii. Pesona MB Johor - Pesona MB Johor selaku pemimpin PPBM tidak terserlah dan tidak mampu untuk menandingi persaingan bekas MB Johor Dato' Seri Khaled Nordin.
- iv. Kempen MCA - tidak menyentuh soal Muafakat Nasional. Sentuhan isu melibatkan isu nasional seperti tulisan Jawi, Zakir Naik, yuran dan peruntukan UTAR dalam budget 2020 dan ekonomi.
- v. Jentera PH dan komponen parti dalam PH tidak bergerak sebagai satu pasukan dan dilihat tidak dapat menguasai jentera kerajaan untuk menerangkan dasar-dasar yang telah dijalankan sepanjang setahun 8 bulan.
- vi. Isu nasional lebih menguasai isu setempat.
- vii. Kedudukan geografi kawasan PRK kawasan nelayan dan peneroka kelapa sawit, kebergantungan kepada bantuan saraan kerajaan dilihat masih mengharapkan bantuan.
- viii. Penguasaan media PH yang lemah dan sukar diterjemahkan oleh agensi kerajaan seperti Bernama dan RTM
- ix. Politik perkauman dan agama masih menguasai penduduk di luar bandar dengan strategi kempen kelompok dikuasai oleh Muafakat Nasional.
- x. Undi protes lebih terserlah, untuk kembali mengundi BN (Muafakat Nasional) dalam kalangan pengundi Cina untuk PRU-15.

### ***Implikasi PRK Parlimen Tanjong Piai***

Politik dan pilihan raya adalah bidang penyelidikan yang unik dan menarik untuk dikaji. Politik ialah seni dalam mentadbir; politik ialah ‘game’ atau permainan iaitu sama ada seri, menang atau kalah; politik itu dinamik iaitu berubah-ubah mengikut aktor politik, tempat dan masa; politik itu sifat berlawanan iaitu ada kawan dan ada musuh iaitu ada 2 pihak dan lebih; politik itu kadang-kadang sukar dijangka; politik itu tiada yang mustahil dan; politik tiada yang kekal iaitu tiada kawan dan musuh yang kekal. Namun dalam kajian akademik, semua perkara dalam politik dan pilihan raya boleh dikaji berdasarkan kaedah penyelidikan saintifik dengan perolehan data primer dan sekunder. Dalam kajian akademik juga boleh memberi persepsi; membuat ramalan; membuat kajian perhubungan dan perkaitan; kajian pasca/post sesuatu peristiwa politik dan pilihan raya; serta kajian sebab-akibat/implikasi; dan kajian pelan tindakan atau cadangan pelaksanaan dan penyelesaian masalah dan isu. Politik di Malaysia terkenal dengan politik perkauman; politik penaungan; politik permuaafakatan; politik pembangunan; politik dominasi institusi; politik tanpa penimbal; politik feudal; politik ketakutan; politik isu; politik pecah dan perintah; dan politik kawalan. Politik Malaysia juga pernah dikaitkan dengan kekuatan pengaruh BN dengan label sebagai 6M iaitu Money, Machinery, Media, Mainpower, Mindset dan Mastermind. Ini dikukuhkan lagi dengan

penerapan elemen 5F dalam sentimen dan pemikiran politik pengundi iaitu Fun/hiburan; Fund/wang atau dana; Fear/takut; Fashion/fesyen atau ikut selera pengundi; dan Future/masa depan.

Secara keseluruhannya, Pilihan Raya Kecil (PRK) di sesuatu kawasan adalah bersifat ‘lokal’ atau ‘tempatan’ serta berfokus, justeru ia tidak dapat menggambarkan senario keseluruhan politik bagi kawasan yang lebih besar atau dalam bahasa mudah ialah politik nasional. Setiap kawasan mempunyai senario atau persekitaran yang berbeza mengikut ruang dan masa. Setiap kawasan juga mempunyai isu atau masalah dan keperluan sosioekonomi yang berbeza. Tambahan pula, ilmu politik pilihan raya bersifat dinamik dan sukar diramal dengan tepat. Ini kerana sokongan atau pendirian politik individu bersifat terlalu ‘peribadi’ dan sukar dikongsi dengan orang lain terutamanya dengan orang atau pihak yang tidak dikenali. Keputusan PRK Parlimen Tanjung Piai dipengaruhi oleh kadar keluar mengundi secara keseluruhan, peranan pengundi setempat/in-situ dan pengundi perantau dan motif atau tujuan PRK diadakan. Kadar keluar mengundi secara keseluruhan yang rendah pada PRK berbanding PRU memberi kelebihan kepada BN untuk menawan semula Parlimen ini yang sebelum ini merupakan kubu kuat BN. BN juga mendapat sokongan kuat daripada pengundi setempat yang mempunyai sentimen kesetiaan terhadap identifikasi kepartian yang tinggi berbanding pengundi perantau yang bersifat dinamik serta bersifat ‘tunggu dan lihat’ yang majoritinya menyokong PH.

PRK juga hanyalah medan untuk memilih wakil rakyat yang bersifat setempat dan lebih dapat menrik minat pengundi setempat untuk keluar mengundi, berbanding PRU yang bukan hanya sekadar memilih wakil rakyat malahan bertujuan untuk memilih sama ada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan yang sepastinya memberi impak besar kepada pembentukan dan pelaksanaan dasar pada peringkat negeri dan persekutuan. Oleh itu, PRK tidak boleh dijadikan petunjuk yang muktamad terhadap keputusan PRU akan datang. Ini kerana setiap kawasan pilihan raya mempunyai isu atau masalah yang tersendiri serta berbeza budaya politik pengundinya. Keputusan sesuatu pilihan raya juga bergantung kepada segmen pengundi seperti pengundi tua, pengundi muda, pengundi setempat/menetap/in-situ, pengundi perantau, pengundi atas pagar, pengundi kakitangan swasta, pengundi kakitangan kerajaan dan sebagainya. Lazimnya pada masa kini, pengundi tua, pengundi setempat/menetap/in-situ, pengundi kakitangan kerajaan dan pengundi etnik Melayu lebih cenderung menyokong BN; manakala pengundi muda, pengundi perantau, pengundi kakitangan swasta dan pengundi etnik Cina lebih cenderung mengundi PH. Kebiasaannya juga pada setiap PRK, pengundi perantau agar sukar untuk pulang mengundi kerana masalah kos, kesibukan bekerja, penat memandu dan PRK hanya untuk memilih wakil rakyat bukannya melibatkan pertukaran Kerajaan oleh itu PRK tidak penting bagi pengundi perantau. Oleh itu, pengundi menetap akan turun mengundi seperti biasa dan ini memberi kelebihan kepada BN untuk memenangi sesuatu PRK. Ini kerana pengundi menetap lebih merasai kehidupan di kawasan mereka, faktor kenang jasa BN yang membawa pembangunan di kawasan mereka, yakin terhadap pengalaman dan kecekapan jentera BN dan kebiasaannya BN akan mengemukakan calon yang terbaik dalam sesuatu PRK seperti calon tempatan, berpengalaman dalam berpolitik serta sebagai wakil rakyat, lebih dikenali, lebih mesra rakyak, lebih turun padang, lebih memahami masalah serta kehendak rakyat dan lebih bersemangat dan bersungguh-sungguh berhubung dengan rakyat (best engagement) dan sebagainya.

Malah juga dalam tempoh beberapa bulan atau beberapa tahun daripada PRK menuju PRU, pelbagai kemungkinan isu semasa, strategi politik dan stail kepimpinan yang akan berlaku

yang boleh mengubah keadaan atau sokongan, bersesuaian dengan ciri-ciri ilmu politik pilihan raya itu sendiri yang bersifat seni, dinamik dan tiada yang mustahil bergantung kepada strategi parti politik dan pemimpin masing-masing. Sebagai contohnya, ketika PRK DUN Ijok, Selangor pada tahun 2007, majoriti kemenangan BN menewaskan PKR meningkat dari 1,649 undi (PRU 2004) kepada 1,850 undi (PRK 2007), sebaliknya BN tewas kepada PKR pada PRU 2008 kepada 1,920 undi, bahkan BN buat pertama kalinya tewas pada peringkat DUN Selangor seterusnya BN menjadi pembangkang di DUN Selangor hingga sekarang (PRU 2018-2020). Begitu juga dengan PRK DUN Pengkalan Pasir, Kelantan, pada PRU 2004 PAS hanya menang dengan majoriti 56 undi, namun tewas kepada BN pada PRK 2005 dengan majoriti 134 undi, sebaliknya BN tewas kembali kepada PAS pada PRU 2008 dengan majoriti 2,348 undi. Begitu juga dengan PRK Sungai Besar pada 2016, pada PRU 2013 BN menang dengan hanya 399 undi, kemudian pada PRK 2016 BN menang dengan majoriti lebih besar iaitu 9,191 undi akibat pertandingan 3 penjurul (perpecahan parti pembangkang antara PH dan PAS), sebaliknya pada PRU 2018 BN tewas pula kepada calon PKR/BERSATU dengan majoriti tipis 714 undi. Ini semua disebabkan peratusan keluar mengundi pada PRU lebih tinggi berbanding PRK kerana pengundi perantau pulang mengundi serta isu nasional lebih mendominasi pemikiran pengundi untuk membuat keputusan bagi mengundi dalam PRU serta tujuan mengundi PRU adalah lebih besar dan penting iaitu untuk memilih Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang akan menentukan dasar pemerintahan dalam masa 5 tahun penggal pemerintahan. Antara sela masa PRK 2016 hingga PRU 2018 iaitu dalam tempoh 2 tahun, PH telah berjaya membuat strategi politik yang berkesan seterusnya berjaya menawan Putrajaya dengan menetapkan penggunaan 1 logo sahaja untuk menentang BN dan PAS dalam PRU 2018, bersetuju dan membuat ketetapan untuk melantik Tun Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri jika PH berjaya mengambil alih Putrajaya, melancarkan manifesto bersama PH, menyelesaikan pembahagian kerusi untuk PRU-14 serta berjaya menyelesaikan program Jelajah PH di seluruh negara untuk menerangkan kerosakan yang telah dibuat oleh BN dan Dato' Seri Najib terhadap negara serta menghujahkan program pembangunan negara jika diberi peluang untuk memerintah Malaysia.

Indikator keputusan PRK Parlimen Tanjong Piai (2019) sebenarnya sudah dapat dilihat pada hari mengundi lagi. Biasanya jika jalan sesak pada hari mengundi menandakan pengundi perantau pulang mengundi pada saat-saat akhir dan majoriti mereka akan mengundi PH, namun pada PRK 2019 menyaksikan keadaan trafik jalan raya di Tanjong Piai adalah seperti biasa dan ini menandakan pengundi perantau kurang atau tidak keluar mengundi dan ini membahayakan PH untuk memenangi PRK tersebut. Hasilnya kadar keluar mengundi menurun daripada 85.7 peratus pada PRU 2018 kepada 74.5 peratus pada PRK 2019 dan akhirnya PH tewas pada PRK tersebut.

Namun begitu, PRK ini memperlihatkan peri pentingnya peranan pihak berkuasa dalam menuaikan janji pilihan raya, pentingnya suara dan harapan rakyat didengari serta diselesaikan permasalahan mereka terutamanya isu ekonomi dan perpaduan, pengurusan isu dan krisis yang berkesan dan bijaksana, kesiapsiagaan parti politik dalam memperkemaskin jentera pilihan raya masing-masing di samping dapat memberi motivasi kepada kepimpinan parti untuk bekerja lebih kuat bagi memenangi hati pengundi dalam menuju PRU-15 akan datang.

## Kesimpulan

Bidang geografi politik penting untuk dikaji dari segi persoalan kuasa dan dasar negara. Persoalan kuasa dan polisi tidak dapat lari daripada aspek ruang geografi itu sendiri. Bidang kajian geografi politik dapat memberi pendedahan kepada pengkaji tentang kaedah penyelidikan dalam geografi politik dan pilihan raya yang dapat memberi banyak manfaat kepada pengkaji untuk digunakan pada masa hadapan. Bidang kajian geografi politik dan pilihan raya dapat memberi maklumat dan kefahaman tentang persempadanan bahagian pilihan raya, pemetaan dalam keputusan pilihan raya, tingkah laku pengundian dan pola pengundian mengikut aspek geografi seperti ruang, jarak, ketersampaian, lokasi, geografi fizikal dan keterbandaran.

Bidang geografi politik tidak dapat dipisahkan dengan kehidupan sehari-hari kita berada dalam konteks ruang dan jarak serta ketersampaian. Geografi politik merupakan salah satu aspek geografi manusia iaitu satu kajian yang lebih besar, tetapi di dalamnya terkandung elemen pembeza yang membuatnya terkhusus. Geografi politik memberi perhatian kepada fenomena politik dan mestilah menumpukan perhatian kepada struktur institusi itu dijalankan dan bagaimana iai terlibat dalam pembentukan corak dan hubungan geografi. Penduduk, agama, bahasa, makanan dan perumahan adalah antara elemen terpenting dalam instansi politik dan pembangunan masyarakat. Oleh itu, bidang kajian geografi politik akan terus menjadi tumpuan penyelidik yang berminat dengan persoalan kuasa dan ruang serta penting dalam menentukan polisi negara dan juga pada peringkat antarabangsa.

Dari segi geopolitik etnik, didapati kedua-dua etnik Melayu dan Cina menyokong calon MCA/BN daripada etnik Cina disebabkan faktor calon dan identifikasi parti yang kukuh dalam PRK Parlimen Tanjung Piai tersebut manakala dari segi geografi pilihan raya, kawasan Daerah Mengundi luar bandar yang majoritinya daripada etnik Melayu terus kukuh menyokong calon MCA/BN manakala kawasan bandar/pekan yang majoritinya daripada etnik Cina telah berlaku sedikit peralihan undi daripada PH kepada BN/MCA disebabkan faktor calon, keadaan sosioekonomi dan isu semasa yang memberi kelebihan kepada BN/MCA.

Namun begitu, PRK ini memperlihatkan peran pentingnya peranan pihak berkuasa dalam menunaikan janji pilihan raya, pentingnya suara dan harapan rakyat didengari serta diselesaikan permasalahan mereka terutamanya isu ekonomi dan perpaduan, pengurusan isu dan krisis yang berkesan dan bijaksana, kesiapsiagaan parti politik dalam memperkemaskan jentera pilihan raya masing-masing di samping dapat memberi motivasi kepada kepimpinan parti untuk bekerja lebih kuat bagi memenangi hati pengundi dalam menuju PRU-15 akan datang.

## Rujukan

- Abdul Halim Sidek, Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2010). Penolakan sentimen etnik dalam politik semasa Malaysia: Kes pilihan raya kecil 2009 Bukit Selambau. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 6 (3), 46-56.
- Agnew, J. (2003). *Geopolitics: Re-visioning World Politics*. London: Routledge.
- Ahmad Atory Hussain. (1996). *Politik dan Dasar Awam Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Ahmadi Al-Aziz. (1998). *Arau*. Kuala Lumpur: Usnie Publication.

- Amer Saifude Ghazali. (2009). *Geografi Pilihan Raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Amer Saifude Ghazali. (2011). Latar Belakang Kawasan Pilihan Raya. Dlm. Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude Ghazali & Zulkanain Abdul Rahman (Edt.), *Pilihan raya kecil Parlimen Kuala Terengganu 2009*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Amer Saifude Ghazali. (2013). Analisis dan Pola Pengundian. Dlm. Mohammad Redzuan Othman & Amer Saifude Ghazali (Edt.), *Pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gantang 2009*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL).
- Amer Saifude Ghazali. (2013). Analisis dan Pola Pengundian. Dlm. Mohammad Redzuan Othman & Amer Saifude Ghazali. *Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang 2009*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL).
- Amer Saifude Ghazali. (2015). *Geografi Politik dan Pilihan Raya Kelantan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Arnold Puyuk. (2005). ‘The 2004 Ba’Kelalan by-election in Sarawak, East Malaysia: The Lun Bawang Factor and Whither Representative Democracy in Malaysia’. *Contemporary Southeast Asia*, 27 (1), 64-79.
- Basu, R. (1988). *Public Administration: Concepts and theories*. New Delhi: Sterling Publishers, Pte. Ltd.
- Berglund, F., Holmberg, S., Schmitt, H. & Thomassen, J. (2005). Party Identification and Party Choice. In Thomassen, J. *The European Voter: A Comparative Study of Modern Democracies*. Oxford: Oxford University Press.
- Black, D. (1958). *The Theory of Committees and Elections*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Blij, H.D. & Murphy, A.B. (1999). *Human geography: Culture, society and space* (6<sup>th</sup> edt). New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Burnet, A.D. & Taylor, P.J (eds). (1981). *Political Studies From Spatial Perspectives*. Chichester: John Wiley.
- Campbell, John L. (2002). Ideas, Politics and Public Policy. *Annual Review of Sociology*. 28: 21-38.
- Chiok Phaik Fern. (2011). Repositioning of Opposition Front and Ruling Coalition in the Aftermath of Malaysia General Election 2008: A Study on the By-Election Results and the Political Issues Involved. *Conference on Elections and Democracy in Malaysia 2011*. Tempat dan anjuran Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan, Sarawak. 9-10 November.
- Cohen, S.B. (2003). *Geopolitics of the World System*. Rowman & Littlefield Publishers.
- Cox, K.R. et. al. (eds). (1974). *Locational Approaches to Power and Conflict*. New York : John Wiley & Son.
- Dalton, R. J. (2016). Party Identification and Its Implications. In *Oxford Research Encyclopedia of Politics*. Oxford: Oxford University Press.
- Denver, D. (2003). *Elections and Voters in Britain*. Hounds Mills: Palgrave Macmillan.
- Dodds, K. (2005). *Global Geopolitics: A Critical Introduction*. Essex: Pearson.
- Downs, A. (1957). *An Economic Theory of Democracy*. New York: Harper & Row.
- Dye, T. R. (2011). *Understanding Public Policy*. Thirteenth Edition. New Jersey: Pearson Education Inc.

- Dye, T.R. (2002). *Understanding Public Policy*. Tenth Edition. New Jersey: Pearson Education Inc.
- Easton, D. (1965). *A System Analysis of Political Life*. New York: John Wiley & Sons.
- Enelow, J. & Hinich, M.J. (1982). Ideology, issues and the spatial theory of elections. *American Political Science Review*, 76, 493-501.
- Flint, C. (2006). *Introduction to Geopolitics*. London: Routledge.
- Ghazali Mayudin & Mohd Rizal Mohd Yaakop. (2000). Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Lunas, *Laporan Projek Penyelidikan*, Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan: tidak diterbitkan: 1-32.
- Ghazali Mayudin. (1990). Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Pantai Merdeka Mac 1990. *Laporan Akhir Teknik Penyelidikan*. Bangi: Jabatan Sains Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali, M. (2008). Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya dalam Konteks Malaysia. Bangi: Jabatan Sains Politik. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Glassner, M. I. (1993). *Political Geography*. Connecticut, USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Glassner, M.I. (1995). *Political Geography*. (2nd Edition). USA: John Wiley & Sons Inc.
- Hartshorne, R. (1971). The functional approach in Political Geography. In Jackson, W.A & Samuels, M.S (eds). *Politics and Geographic Relationship*. 251-268. New Jersey : Prentice Hall.
- Hill, M. & Fee, L.K. (1995). *The Politics of Nation Building and Citizenship in Singapore*. London: Routledge.
- Hinich, M.J. and Michael C. Munger, M.C. (1997). *Analytical Politics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hinich, Melvin J. & Walker P. (1981). A new approach to the spatial theory of electoral competition. *American Journal of Political Science*, 25, 323-41.
- Hinich, Melvin J., Valeri Khmelko & Peter Odershook. (1999). A spatial analysis of Ukraine's 1998 Parliamentary election. *Post-Soviet Affairs*. 15, 149-85.
- Hoggart, K. (1995). Ethnic voting patterns. *Journal of Political Geography*, 14, 65-67.
- Ibrahim Abu Shah, Shireen Haron, Norshidah Nordin, Shaharuddin Badaruddin, Mat Zin Mat Kib, Yadman Sarwan, S. Salahuddin Suyurno, Zulkifli Dahalan, Mujibu Muis & Shu'aibi Zainal Abidin. (2009). Isu dan Tingkah Laku Semasa Kempen Pilihan Raya Kecil Parlimen Permatang Pauh. Dlm Worran Hj. Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline (Pnyt.), *Prosiding seminar politik Malaysia: Landskap politik Malaysia pasca pilihan raya ke-12*. Sabah: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA.
- Jacobs J. (1961). *The death and life of Great American Cities*. Random House, New York.
- Jones M & Rhys J, Woods M. (2004). *An introduction to political geography: Space, place and politics*. Routledge, London.
- Johnston, R.J. (1972). Spatial elements in voting patterns at the 1968 Christchurch City Council Election. *Political Science*, 24 (1), 49-61.
- Johnston, R.J. (1979). *Political, Electoral and Spatial Systems: An Essay in Political Geography*. Oxford: Clarendon Press.
- Johnston, R.J., Pattie, C.J., Dorling, D.F.L., MacAllister, I., Tunstall, H., Rossiter, D.J. (2001). Housing tenure, local context, scale and voting in England and Wales 1997. *Electoral Studies*, 20 (2), 195-216.
- Junaidi Awang Besar. (2012). Persepsi Politik dan Trend Pengundian di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir, Pulau Pinang. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (3), 61-70.

- Junaidi Awang Besar. (2016a). Pola Pengundian dalam Pilihan Raya Umum Malaysia Ke-13. *Seminar Antarabangsa Ke-5, Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*. Tempat: Hotel Condotel Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Anjuran Bersama: Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia; Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA); & Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia. 26-28 Julai.
- Junaidi Awang Besar. (2016b). Analisis Geografi Pilihan Raya, Sosiopolitik dan Sosiobudaya di Kawasan Parlimen Bagan Serai, Negeri Perak Darul Ridzuan, Malaysia. *The 2016 Konferensi Internasional Budaya Melayu*. Anjuran Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Jambi (UNJA), Sumatera, Indonesia. Tempat: Kampus UNJA Pasar, jambi, Sumatera, Indonesia. 26-27 Oktober.
- Junaidi Awang Besar. (2017a). Status quo penguasaan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) kawasan dewan undangan negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan melalui strategi politik pembangunan. *Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar (MATRA) 2017*. Tempat: Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Anjuran: Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Dengan Kerjasama: Persatuan Kebangsaan Geografi Malaysia & Kelab Geografi USM. 23 & 24 Februari.
- Junaidi Awang Besar. (2017b). Pengaruh Identifikasi Parti dan Politik Pembangunan Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parliment Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016. *The 6th International Conference On Public Policy & Social Science (ICOPS 2017)*. Organized By: Faculty Of Administrative Science And Policy Studies, UiTM Kedah Branch and Faculty of Administrative Science and Policy Studies, UiTM Negeri Sembilan Branch. In: TH Hotel & Convention Centre, Alor Setar, Kedah, Malaysia. On: 8-10 March (Wednesday-Friday).
- Junaidi Awang Besar. (2018). Pengaruh identifikasi parti dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parliment Sungai Besar dan Kuala Kangsar 2016. *Journal of Administrative Science Special Edition: ICOPS*, 15(3): 1-41.
- Junaidi Awang Besar. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia: Faktor Sokongan, Pola dan Impak. *Post-GE14 By-Elections: Implications for GE15*. Subchapter: Analyses of Post-GE14 By-Elections. At Experimental Hall, Level 3, Rectory, IIUM Gombak. 28 August/Wednesday
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2009). Pembangunan dan Pilihan Raya Kecil DUN Manek Urai, Kelantan 2009. *Seminar Malindo-Nusantara (I)*. The Hills Bukittinggi Hotel, Bukittinggi, Sumatera Barat, Indonesia. Anjuran Universitas Andalas, Padang, Sumatera Barat, Indonesia dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 16-17 Disember.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2010). Pembangunan dan Pilihan Raya Kecil DUN Manek Urai, Kelantan 2009. Pandangan Politik dan Pola Sokongan Pengundi di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir, Pulau Pinang. *Seminar Bersama antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)-Universitas Indonesia (UI) "SEBUMI 3"* 2010. Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan (FSSK), UKM Bangi, Selangor. Anjuran bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) – Universitas Indonesia (UI). 12-13 Oktober.
- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2011). Pengukuhan Hegemoni Politik UMNO/BN melalui Sokongan Pengundi Melayu dalam Pilihan Raya Kecil DUN Tenang, Kerdau dan Merlimau. *Simposium Kebudayaan Indonesia – Malaysia (SKIM) XII*, 2011. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan

Malaysia, Bangi, Selangor. Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor dengan kerjasama Universitas Padjadjaran, Bandung, Jawa Barat, Indonesia. 29-30 November.

Junaidi Awang Besar & Mohd Nizar Sudin. (2019). Dinamika Politik dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Semenyih, Selangor. *Seminar Antarabangsa Ke-8 Arkeologi, Sejarah, Bahasa Dan Budaya Di Alam Melayu (ASBAM 8, 2019)*. Tempat: Ancasa Residences, Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia. Anjuran bersama: Institut Alam Dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); & Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Dengan kerjasama: Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia; & Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Pada: 27-28 Julai.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. (2011a). Kajian budaya politik Melayu dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor, Selangor. *Jurnal Melayu*, (8), 153-172.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. (2011b). Trend Pengundian Etnik Melayu dan Cina/Tionghoa dalam Pilihan Raya 2009-2011 di Malaysia. *Seminar Internasional Serumpun Melayu (SERUMPUN) 2011*. Fakultas Ilmu Budaya (FIB) Universitas Hasanuddin, (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Anjuran Universitas Hasanuddin (UNHAS) dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 8-9 Jun.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. (2011c). Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang, Johor: Analisis Pola Pengundian Etnik Cina. *Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang Dan Alam Sekitar (MATRA) 2011*. Hotel Vistana, Pulau Pinang. Anjuran: Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. 16-17 November.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain. (2012a). Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas, Kelantan: Analisis Geografi Pilihan Raya. *Jurnal e-Bangi*, 7 (1), 64-74.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Mohd Faidz Mohd Zain. (2012b). Analisis pola pengundian etnik Cina dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Tenang, Johor. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space (Themed Issue: Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar (MATRA))*, 8 (5), 39-50.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Novel Lyndon. (2012). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pengaruh populariti calon, sentimen nasional dan politik pembangunan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) P185 Batu Sapi, Sabah. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 8 (8), 23-34.

Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi dan Amer Saifude Ghazali. (2013). Perumahan Dan Impak Geopolitik Dalam PRU 1995 Hingga 2013: Kajian Kes Di Kawasan Parlimen Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur. *The 7th International Conference On Malaysia-Indonesia Relations*. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. 22-24 Oktober.

Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain & Samsu Adabi Mamat. (2015). Analisis pola pengundian Parti Islam Semalaysia (PAS) dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Chempaka, Kelantan. *Seminar Antarabangsa Ke-4, Arkeologi, Sejarah Dan Budaya Di Alam Melayu*. Tempat: Kampus Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Pusat Penyelidikan Langkawi (PPL), Universiti Kebangsaan Malaysia (Ukm), Langkawi, Kedah Darul Aman. Anjuran Bersama: Kumpulan Penyelidikan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Institut Alam dan Tamadun Melayu

(ATMA) & Muzium Warisan Akademik UKM; Kluster Sejarah, Warisan dan Sosio-Budaya, Majlis Profesor Negara; Ikatan Ahli Arkeologi Malaysia; dan Universitas Hasanuddin (UNHAS), Makassar, Sulawesi Selatan, Indonesia. Pada: 25-26 November.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mazlan Ali. (2019). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia: Pola dan Impak. *3rd USM-International Conference on Social Sciences (ICOSS) 2019*. At: Bayview Beach Resort, Batu Ferringgi, Penang, Malaysia. Organize By: School Of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. On: 21-23 Ogos 2019.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2010). Politik Belia di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Persidangan Kebangsaan Ke-3 Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekutuan (PPSPP)*. Hotel Equatorial, Bangi-Putrajaya. Anjuran: PPSPP, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) - Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia. 20-21 Julai.

Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Mohd Fuad Mat Jali. (2012). Pilihan Raya Kecil (PRK) P185 Batu Sapi, Sabah: Antara Populariti, Sentimen dan Realiti dalam Mempengaruhi Pola Pengundian. *Persidangan International Conference Of Social Science And Humanity (ICOSH) 2012*. Anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 12-13 Disember.

Junaidi Awang Besar, Mazlan Ali, Mohd Faidz Mohd Zain & Ahmad Afif Zulkipli. (2016). Analisis Geografi Pilihan Raya Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manir, Terengganu. *8th International Conference on Humanities and Social Sciences (ICHiSS) 2016*. Theme: Innovation in Humanities and Social Sciences: Opportunities and Challenges" at The Hotel Royale Chulan Damansara, Selangor, Malaysia. Organized By: Faculty of Defence and Management Study, National Defence University of Malaysia (UPNM) and Prince Of Songkla University (PSU), Thailand. In The Royale Chulan Hotel, Damansara, Selangor. 27-29 May.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Mohd Faidz Mohd Zain. (2010). Pilihan Raya Kecil Kawasan Parlimen Hulu Selangor 2010: Politik Pembangunan Dan Pola Pengundian. *Asia Pacific Conference (APC) On History, Politics & Strategic Studies And Climate Change*. At Faculty Of Social Sciences And Humanities (FSSK) And Senate Room, UKM. 29-30 November.

Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Mohd Fuad Mat Jali. (2014). Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 Di Malaysia dengan Menggunakan Pendekatan Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti dan Model Sosiologi. *Konferensi Internasional Hubungan Indonesia-Malaysia Ke-8*. Anjuran: Fakultas Hukum, Universitas Lancang Kuning (UNILAK), Pekanbaru, Riau, Indonesia. 23-25 September.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2009a). Pola Politik Mengikut Kaum di Kawasan Parlimen Bukit Gantang (P059). *Seminar Malindo-Nusantara (I)*. The Hills Bukittinggi Hotel, Bukittinggi, Sumatera Barat, Indonesia. Anjuran Universitas Andalas, Padang, Sumatera Barat, Indonesia dengan kerjasama Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 16-17 Disember.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2009b). Pilihan Raya Kecil DUN Bukit

Selambau (N25) April 2009: Satu Tinjauan Dari Sudut Etnik. *Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia Ke-11 (SKIM XI)*. Anjuran Universitas Padjadjaran, Bandung, Indonesia dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 10-12 November.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2009c). Pembangunan dan Pilihan Parti Politik: Kajian Kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak. *Persidangan International Conference Of Social Science And Humanity (ICOSH) 2009*. Anjuran Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 2-3 Disember.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2009d). Pilihan Raya Kecil DUN Penanti Tanpa BN: Analisis Calon, Kempen dan Isu. *Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia Ke-11 (SKIM XI)*. Kampus Dipati Ukur, Universitas Padjadjaran, Bandung, Indonesia. Anjuran bersama Anjuran Universitas Padjadjaran, Bandung, Indonesia dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 10-12 November.

Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail. (2010). Analisis trend pengundian berdasarkan kaum di kawasan Bukit Gantang, Perak. *Jurnal e-Bangi*, 5 (1), 26-37.

Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori, Mokhtar Ahmad, Mohd Nizar Sudin, Mohd Nor Hafis Ahmad Pauzan, Munauwarah Ziauddin & Ahmad Afif Zulkipli. (2020). Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 5 (19), 21-53.

Kasperson, R.E. & Minghi, J.V. (eds). (1969). *The Structure of Political Geography*. Chicago: Aldine.

Khairul Arifin Mohd Munir. (2019). Pasca PRU 14: Analisis Keputusan PRK & Kesannya Terhadap Landskap Politik Malaysia. *GE14 and The Year Since: Analyses and Perspectives*. Conference Room, Kulliyyah of Information and Communication Technology, IIUM Gombak. 2 May/Thursday.

Lazarsfield, P.F., Barelson, B.R. & Goudet, H. (1968). *The People Choice*. New York: Dell, Sloan and Pierce.

Lu Wei Hoong. (2012). By-election 16: N28 Kerdau, Pahang. In. Wong Chin Huat & Soon Li Tsin (Edt.), *Democracy at stake?: Examining 16 by-elections in Malaysia 2008-2011*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).

Mc Gee, T.C. (1967). *The South East Asia City*. London: G. Beld & Sons.

Mohammad Redzuan Othman, Zulkanain Abdul Rahman, Shaharuddin Badaruddin, Amer Saifude Ghazali, & Md. Rozimi Md Nasir. (2009). *Permatang Pauh: Pilihan raya kecil Ogos 2008*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn. Bhd.

Mohammad Tawfik Yaakub. (2019). Isu-isu dominan dalam kalangan pengundi Melayu dalam kempen PRK DUN Semenyih. Dlm. *Forum Pasca PRK DUN Semenyih: Biduk Lalu, Kiambang Bertaut*. Dewan Semarak, Akedemi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. 10 pagi, 10 Mac (Khamis).

Mohd Faidz Mohd Zain, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali. (2010). Analisis Geografi Pilihan Raya di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Galas, Kelantan. *Persidangan Kebangsaan Geografi & Alam Sekitar Kali Ke-3, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)*. Dewan Persidangan E-

- Learning, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI, Tanjung Malim, Perak. Anjuran Jabatan Geografi dan Alam Sekitar, Fakulti Sains Kemanusiaan, UPSI. 8-10 Februari.
- Mohd Faidz Mohd Zain, Samsu Adabi Mamat & Junaidi Awang Besar. (2014). Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan: Satu Analisis Terhadap Pola Pengundian Etnik Melayu. *Seminar Antarabangsa Ke-3 Arkeologi, Sejarah & Budaya di Alam Melayu (ASBAM 2014)*. Anjuran: Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM Dengan Kerjasama: Kluster Sejarah, Warisan dan Sosio-Budaya, Majlis Profesor Negara, Kementerian Pendidikan Malaysia; Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM; dan Kumpulan Penyelidikan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan UKM. Tempat Seminar: Bilik Senat dan Bilik Majlis, Bangunan Canselor, UKM. 23-24 Disember.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2006). Pilihan Raya Kecil DUN Pengkalan Pasir, Kelantan: Petanda BN Menguasai Kelantan. Dlm. Stanislaus Sandarupa. *Prosiding Seminar Bersama Universiti Hasanuddin dan Universitas Kebangsaan Malaysia*. Kemelayuan Indonesia dan Malaysia. Makasar: Universitas Hasanuddin, Indonesia.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2009). Pilihan Raya Kecil Parlimen Kuala Terengganu (P36) Januari 2009: Satu Pungutan Pendapat Awam Pra-Pilihan Raya. *Prosiding Seminar Bersama Universiti Hasanuddin dan Universitas Kebangsaan Malaysia (SERUMPUN) IV*. Penelitian Dunia Melayu Malaysia-Indonesia Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2011). Pembangunan dan Pola Pengundian dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Manek Urai, Kelantan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space (Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development)*, 7, 29-39.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2011). Persepsi politik belia di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space (Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development)*, 7, 105-115.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Mohd Awal, Khaidzir Ismail. (2012). Politik pembangunan dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Air, Sarawak. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space. Themed Issue: Malaysian Environment and Society*, 8 (2), 88-97.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Muhammad Hazim Abd Ghani & Muhammad Nurluqman Mohd Zin. (2014). Pilihan raya kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor: Analisis Terhadap Kempen, Isu, Persepsi Terhadap Dasar Kerajaan dan Keputusan PRK. *International Conference on Social Sciences and Humanities (ICOSH) 2014*. Anjuran dan Tempat Persidangan: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. 10-13 Disember.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. (2013). Analisis Geografi Pilihan Raya dalam Pilihan Raya Kecil di Malaysia 2008-2011. *4th Social, Development and Environmental Studies International Conference 2013, Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan Dan Persekutaran, FSSK, UKM*. Organized By: School of Social, Development and Environmental Study, Faculty of Social Sciences and Humanities, UKM Bangi, Selangor. 19 March.

- Mohd Fuad Mat Jali. (1998). Pembangunan perumahan: analisis awal geopolitik di Kuala Lumpur. Dlm. Katiman Rostam, Abd. Rahim Md. Nor, Junaidi Abu Bakar, Kadaruddin Aiyub & Mohd Ikhwan Toriman (Pnyt), *Pembangunan, Perbandaran dan Alam Sekitar*, hlmn 45-55. Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Fuad Mat Jali. (1999). Pembangunan perumahan: hak milik dan dampak geopolitik kaum di kawasan parlimen Sungai Petani, Kedah. *Persidangan Kebangsaan Penilaian Dampak Sosial*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Razali Agus. (1986). *Politik dalam Perumahan*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing Housing Sdn. Bhd.
- Mohd Razali Agus. (1992). *Pembangunan Perumahan: Isu dan Prospek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Razali Agus. (2001). *Perumahan Awam di Malaysia: Dasar Dan Amalan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors. Sdn. Bhd.
- Mohd Salleh Abas. (1984). *Pilihan raya Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Amirul Ariff Loo Abdullah. (2002). Pilihan Raya Kecil DUN Indera Kayangan 2002: Analisis Isu, Kempen dan Pola Pengundian. Latihan Ilmiah. Program Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia. (Tidak Diterbitkan).
- Muir, R. (1973). *Modern Political Geography*. London : MacMillan Press.
- Ng Boon Hooi. (2012). By-election 15: N27 Merlimau, Melaka. In. Wong Chin Huat & Soon Li Tsin (Edt.), *Democracy at stake?: Examining 16 by-elections in Malaysia 2008-2011*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Nidzam Sulaiman. (2019). Pilihan Raya Kecil Medan Sebenar Uji Kekuatan Parti?. Dlm. *Dewan Masyarakat*, Jilid 57, Bil 4, April.
- Nur Azuki Yusuff & Iskandar Hasan Tan Abdullah. (2019). The Dominance Status Quo of PAS in Socio Electoral General Election 14th of Kelantan State. *International Journal of Advanced Science and Technology* 28(16): 680 – 690.
- NSTP Research and Information Services. (1994). *Elections in Malaysia: A Handbook of Facts and Figures on the Elections 1955-1990*. Kuala Lumpur: The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.
- Owens J, Greg T Smith GT, Clark G. (2010). *City limits: Perspectives on the historical European City*. McGill-Queen's UP, Montreal.
- Parsons, W. (1997). *Public Policy: An Introduction to the Theory and Practice of Policy Analysis*. Cheltenham, UK: Edward Elgar Publishing, Inc.
- Pavlović, Z. & Todosijević, B. (2018). Partisan Heart and/or Rational Mind? Party Identification, Political Knowledge and Electoral Turnout. *Psihologija* 51(1): 31-49.
- Peet, R. (2007). *Geography of Power: The Making of Global Economic Policy*. New York: Zed Books.
- Prestus, R. (1975). *Public Administration*. New York: Prentice Hall.
- Rahimah Abdul Aziz. (2001). *Pengantar Sosiologi Pembangunan (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ranney, A. (1993). *Governing an Introduction to Political Science*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Reeve, A. & Ware, A. (1992). *Electoral Systems: A Comparative and Theoretical Introduction*. London: Routledge.
- Rosmadi Fauzi, Aziz Shafie, Amer Saifude Ghazali, Zulkarnain Abdul Rahman & Mohammad Redzuan Othman. (2011). Elemen Ruangan dalam Politik Malaysia

- Menjelang Pilihan Raya Umum 13. *Seminar Politik Malaysia*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA, 12 Januari.
- Rosmadi Fauzi. (2006). Geografi politik, pilihan raya dan aplikasi sistem maklumat geografi (GIS) di Malaysia. *Jati*, 11 (12), 157-177.
- Rubenstein, J.M. (1996). *An Introduction to Human Geography*. (5th edition). New Jersey: Prentice Hall
- Sabitha Marican. (2001). *Dasar Awam di Malaysia: Isu dan Konsep*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Sharp, J. P. (2000). *Condensing the Cold War: Reader's Digest and American Identity*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Sherril, K.S. & Vogler, D.J. (1982). *Power, Policy and Participation: An Introduction to American Government*. New York: Harper & Row, Publishers.
- Slowe, P.M. (1990). *Geography and Political Power*. London: Routledge
- SPR. (2007). *50 Tahun Demokrasi Dan Pilihan Raya di Malaysia*. Putrajaya: Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia.
- Suffian Mansor, Rosmadi Fauzi, Mohammad Redzuan Othman, Amer Saifude Ghazali & Zulkanain Abdul Rahman. (2013). *Pilihan raya kecil Parlimen Sibu, Sarawak 2010*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL).
- Toothman J. (2010). "What are the origins of democracy?" 08 June 2010. HowStuffWorks.com. [cited 25 November 2010]. Available from: <http://history.howstuffworks.com/ancient-greece/originsdemocracy>.
- Valls, P. A. P. (2014). *In-Estabilidad Partidista*. [http://clepso.flacso.edu.mx/sites/default/files/clepso2014\\_eje3\\_pastranavalls](http://clepso.flacso.edu.mx/sites/default/files/clepso2014_eje3_pastranavalls) [28 April 2019].
- Wan Ahmad Wan Omar. (2014). *Saya, SPR dan Pilihan Raya*. Shah Alam: Grup Buku Karangkraf Sdn Bhd.
- Weinschenk, A. C. (2010). Revisiting the Political Theory of Party Identification. *Political Behavior* 32(4): 473-494.
- Zulkanain Abdul Rahman & Rosmadi Fauzi. (2013). Sosio-politik dan Elemen Ruang. Dlm. Mohammad Redzuan Othman & Amer Saifude Ghazali (Edt.), *Pilihan raya kecil Parlimen Bukit Gantang 2009*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL).